



SUMBER :

ELEKTRONIK

ARKIB : 29/09/2010

Lelaki menyamar polis Bukit Aman diberkas

JOHOR BAHRU 28 Sept. - Seorang lelaki yang dipercayai menyamar sebagai seorang anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Bukit Aman dan memeras ugut orang ramai untuk mendapatkan wang berjaya ditahan di sekitar Kluang, Jumaat lalu.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd. Mokhtar Mohd. Shariff berkata, lelaki berusia 31 tahun itu ditahan selepas cuba memperdayakan seorang lelaki lain dengan meminta bayaran RM50,000.

Beliau berkata, suspek menghubungi mangsa dan memberitahu bahawa mangsa terlibat dalam sindiket penipuan black money di Hong Kong.

"Bagi menyelesaikan kes tersebut, mangsa diminta membuat bayaran RM50,000. Akibat ketakutan, mangsa memasukkan RM10,000 ke dalam akaun lelaki tersebut," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini hari ini.

Mohd. Mokhtar berkata, polis kemudian berjaya menahan suspek ketika mengeluarkan wang tersebut di salah sebuah bank di daerah berkenaan.

Beliau berkata, lelaki itu yang dipercayai melakukan sekurang-kurangnya empat kes penyamaran dan penipuan seumpama itu kini direman selama seminggu bagi membantu siasatan.

Dalam kes berlainan, Mohd. Mokhtar berkata polis menahan empat lelaki warga asing di sebuah rumah di Taman Kempas, di sini Jumaat lalu, kerana dipercayai terlibat dengan kejadian samun di kawasan perumahan dan jalanan.

Beliau berkata, serbuan kira-kira pukul 7 petang di rumah tersebut menemui senjata dan barangan yang dipercayai hasil samun termasuk parang, pisau, komputer riba, tujuh jam tangan, empat telefon bimbit dan sejumlah barangan kemas.

Kesemua mereka yang berusia 21 hingga 24 tahun dan dipercayai melakukan samun ke atas 10 rumah di sekitar bandar raya ini kini direman selama seminggu bagi membantu siasatan.

Sementara itu, empat lelaki berusia 26 hingga 34 tahun berjaya ditahan polis dalam beberapa siri serbuan pada Khamis dan Jumaat lalu kerana dipercayai melakukan samun berkumpulan dengan cara menyamar sebagai anggota polis.

"Kejadian itu dilakukan ke atas seorang mangsa, warga negara asing sehingga memaksa mangsa menyerahkan wang yang dikeluarkan daripada sebuah bank melalui mesin pengeluaran wang automatik (ATM).

"Mangsa kerugian sebanyak RM2,000. Turut dirampas sebuah kenderaan pelbagai guna (MPV) Naza Ria yang digunakan oleh suspek," katanya.

Katanya, kesemua suspek ditahan reman selama tujuh hari bagi membantu siasatan yang dilakukan di bawah Seksyen 395 Kanun Keseksaan kerana melakukan samun berkawan dan Seksyen 170 Kanun Keseksaan atas kesalahan menyamar penjawat awam.

ARKIB : 10/07/2010

Mudahnya terperangkap helah 'Awang Hitam'

Oleh SUFFIAN ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

NAMPAKNYA warga Afrika kembali mengganas di negara ini. Selepas dikaitkan dengan penipuan 'Black Money', Awang Hitam kini semakin berani memperdayakan wanita-wanita Malaysia.

Dalam tempoh enam bulan sahaja, sejumlah 83 kes 'tipu bungkusan' dilakukan oleh warga Afrika. Jumlah ini bukan sedikit dan ia sememangnya perlu dibimbangkan oleh kita semua.

Ini kerana, yang menjadi mangsa adalah wanita tempatan, khususnya mereka yang masih bujang atau janda, mempunyai kedudukan ekonomi yang kukuh, namun sering bosan dan kesunyian lalu berkenalan dengan Awang-Awang Hitam ini menerusi laman-laman sosial dalam Internet.

Sasaran utama sindiket penipuan ini adalah wanita yang tinggal di sekitar Lembah Klang serta Sabah dan Sarawak, kononnya wanita di kawasan ini mewah dan mampu membiayai kasanova hitam itu.

Sama ada hitam atau putih, tidak salah jika dikatakan wanita kita (bukan semua) sebenarnya begitu mudah terpedaya dengan janji manis dalam alam maya.

Tanpa melihat wajah rakan sembangnya, mereka 'tertipu' dengan gambar lelaki berkulit putih dan tampan yang dikenali menerusi Internet dan telefon.

Ditambah dengan ayat-ayat cinta warga asing itu, wanita kita mudah mengeluarkan wang simpanannya semata-mata untuk membayar kos bungkusan hadiah yang dijanjikan oleh rakan lelaki mereka itu.

Mereka tidak sedar, sebenarnya lelaki kacak yang dicintai itu bukan berkulit putih, sebaliknya Awang Hitam yang turut menggunakan khidmat wanita termasuk rakyat tempatan untuk menyamar sebagai pegawai Kastam bagi meminta mangsa memasukkan sejumlah wang ke dalam akaun.

Penangkapan 21 individu termasuk tiga wanita oleh Polis Bukit Aman baru-baru ini membongkar kegiatan penipuan versi baru yang perlu ditangani bagi mengelak lebih banyak kerugian.

Teringat satu kes yang berlaku di Sabah membabitkan seorang wanita yang disiarkan dalam akhbar ini pada Jun lalu. Kerana terlalu percayakan teman lelakinya, suri rumah berusia 47 tahun itu sanggup mengeluarkan wang sebanyak RM1.2 juta.

Apa yang menghairankan, wanita itu tidak bekerja. Malah wang yang dikeluarkan itu adalah hasil simpanan suaminya, seorang pegawai kerajaan.

Apa reaksi suami wanita itu apabila dia mendapat tahu wang simpanannya selama ini 'dilaburkan' untuk sesuatu yang palsu.

Kenapa isterinya lebih percayakan teman Internetnya lebih daripada suaminya sendiri. Apabila sudah terjadi begini, siapa yang harus dipersalahkan? Kebebasan yang diberikan oleh suami atau wanita itu sendiri yang ingin bebas mencari cinta luar sehingga terperangkap dalam penipuan.

Apa yang dapat dipelajari adalah, berhati-hati ketika berhubung dengan individu yang dikenali dalam alam maya.

Sindiket 'tipu bungkusan' Awang Hitam ini mengambil kesempatan mencari mangsa di negara ini kerana bagi mereka, wanita tempatan kita mudah percaya kepada kenalan laman sosial.

Untuk menyalahkan wanita kita seratus peratus juga adalah tidak adil, namun kita semua harus ingat, Awang Hitam ini bijak mengambil peluang untuk menipu rakyat Malaysia hanya dengan menggunakan sembang alam maya.

Itu adalah resam segelintir daripada mereka, warga Afrika yang terlibat dalam jenayah penipuan dan mereka akan terus menipu selagi ada mangsa yang boleh diperdayakan.

Sudah pasti perlu ada satu cara untuk menghapuskan sindiket seperti ini. Jangan mudah percaya dengan tawaran atau ayat-ayat teman sembang alam maya, khususnya mereka yang bukan dari rumpun kita. Itu adalah jalan penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi jenayah penipuan sebegini.

ARKIB : 09/07/2010

19 warga Afrika ditahan dalangi sindiket 'tipu bungkusan'

KUALA LUMPUR 8 Julai - Selepas dikaitkan dengan 'Black Money' dan 'cinta Internet', satu lagi sindiket didalangi warga Afrika berjaya dibongkar.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman kali ini berjaya menumpaskan sindiket 'tipu bungkusan' melibatkan kerugian jutaan ringgit selepas menangkap 21 individu termasuk tiga wanita.

Polis percaya berjaya menyelesaikan sebahagian daripada 83 kes yang dilaporkan sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Tangkapan ke atas 16 lelaki warga Nigeria, seorang lelaki Ghana, seorang Ivory Coast, serta tiga wanita masing-masing dari Bostwana, Filipina dan seorang rakyat tempatan berusia lingkungan 20 hingga 30-an itu dilakukan dalam lapan serbuan berasingan di sekitar ibu negara dan Lembah Klang, sepanjang dua minggu lalu.

Polis turut menemui dan merampas wang tunai bernilai RM42,979, 14 buah komputer meja dan riba, 16 telefon bimbit, slip bank dan peralatan lain dipercayai digunakan untuk kegiatan jenayah mereka.

Ketua Penolong Pengarah Operasi JSJK Bukit Aman, Asisten Komisioner Rohaimi Md. Isa berkata, kebanyakan suspek memasuki negara ini menggunakan pas pelajar asing dan berdaftar di kolej-kolej swasta di sini.

Menurut beliau, kesemua mereka merupakan anggota sindiket berbeza, tetapi dikatakan mengenali sesama mereka dan melakukan kegiatan sama.

"Kegiatan penipuan didalangi warga Afrika bukanlah sesuatu yang baru, daripada 'Black Money' sehinggalah 'Penipuan Bungkusan', cuma mereka bertukar-tukar modus operandi dari masa ke semasa.

"Dalam enam bulan pertama ini, 253 kes penipuan oleh warga Afrika dilaporkan kepada polis melibatkan jumlah kerugian RM4.7 juta.

"Sejumlah 83 daripadanya adalah 'Penipuan Bungkusan'," katanya pada sidang akhbar di pejabat JSJK Bukit Aman di Kompleks Bukit Perdana di sini hari ini.

Menghuraikan modus operandi suspek, Rohaimi memberitahu, sasaran mangsa mereka ialah wanita tempatan terdiri daripada golongan janda atau bujang berusia di antara 40 dan 50-an.

Beliau berkata, mereka akan menjerat mangsa menerusi laman web sosial dengan menggunakan janji-janji manis melalui telefon atau bersembang dalam Internet.

"Lama-kelamaan, mangsa akan jatuh cinta tanpa menyedari mereka sebenarnya terjerat perangkap yang dipasang dan ketika itu suspek akan bertindak.

"Suspek akan memaklumkan mangsa kononnya akan melawat negara ini dan menjanjikan satu bungkusan hadiah mewah sebagai tanda kasih sayang," ujar beliau.

Menurutnya, barangan yang dijanjikan biasanya terdiri daripada barang kemas, beg dan jam tangan berjenama, komputer riba dan barangan mahal lain termasuk dolar Amerika dan pound Sterling yang akan dikirimkan menerusi syarikat penghantaran.

"Mangsa kemudian akan diberitahu bungkusan tersebut telah sampai, tetapi terkandas pada kastam. Seorang 'pegawai kastam' pula akan menghubungi mangsa dan menjelaskan sejumlah bayaran untuk menuntut bungkusan itu," ujar Rohaimi.

Tambah beliau, suspek akan meyakinkan mangsa membuat bayaran secara berperingkat-peringkat, daripada puluhan sehingga ada yang mencecah ratusan ribu ringgit mengikut kemampuan mangsa.

"Mangsa yang dilamun cinta akan berbuat demikian sehinggalah mereka kehabisan wang dan akhirnya sedar diri mereka ditipu kerana bungkusan itu langsung tidak wujud," jelas beliau.

Sehubungan itu, Rohaimi menasihati orang ramai khususnya wanita tempatan supaya tidak mudah percaya jika berkenalan di Internet.

ARKIB : 16/11/2009

Warga Afrika banjiri Malaysia

BUDAYA warga Afrika yang begitu asing dan kasar menimbulkan ketidakselesaan di kalangan penduduk tempatan di negara ini. Lebih mencemaskan, kebanjiran golongan itu di beberapa lokasi sekitar ibu negara menggambarkan mereka seolah-olah penduduk asal kawasan berkenaan.

Tidak dapat dipastikan status sebenar golongan yang dikenali sebagai Awang Hitam ini, sama ada mereka benar-benar pelancong, pelajar atau memasuki negara ini secara haram.

Namun, apa yang pasti, kehadiran mereka yang semakin sukar dibendung sebenarnya tidak disenangi penduduk tempatan kerana mengundang pelbagai masalah sampingan.

Wartawan Utusan Malaysia, UMAVATHI RAMAYAH dan ASSIM HASSAN cuba mengenal pasti permasalahan yang ditimbulkan oleh warga Afrika ini melalui mini laporan khas sebanyak dua siri kali ini.

Jika sebelum ini, warga Afrika sering dikaitkan dengan sindiket 'black money' atau pengedaran dadah, tidak mustahil Awang Hitam akan terus bermaharajalela di ibu negara melakukan jenayah berat, jika kehadiran mereka yang tidak diundang itu dipandang sepi pihak berkuasa.

KUALA LUMPUR 15 Nov. – Sudah berulang kali desakan dibuat agar masalah kebanjiran pendatang asing warga Afrika ditangani segera.

Walaupun pelbagai tindakan diambil pihak penguat kuasa namun kehadiran mereka bukannya berkurangan malah semakin bertambah saban hari.

Kebimbangan masyarakat di negara ini juga sudah banyak kali diluahkan di dada-dada akhbar mengenai kehadiran warga Afrika yang semakin ramai dan lebih dikenali sebagai 'Awang Hitam' di negara ini, namun ia seolah-olah tidak memberi kesan.

Akibatnya, satu demi satu masalah dan perlakuan jenayah membabitkan warga Afrika diselongkar.

Insiden terbaru yang mencetuskan kebimbangan rakyat Malaysia ialah seorang lelaki Sudan yang dituduh membunuh anak perempuan kekasihnya yang berusia tiga tahun, Aaliyah Ayman Hussin Abdullah di sebuah kondominium di Hulu Langat pada 12 Oktober lalu.

Perangkaan dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen mendapati dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, seramai 56,240 warga Afrika memasuki negara ini secara sah.

Kemasukan pelawat dari Afrika Selatan mengatasi negara-negara Afrika yang lain dengan 20 peratus dari keseluruhan daftar kemasukan.

Perangkaan yang sama, sepanjang tahun lalu menyaksikan 110,805 warga Afrika memasuki Malaysia manakala 81 peratus daripada mereka merekodkan aliran keluar semula dari negara dalam tempoh berkenaan.

Dalam pada itu, dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, Jabatan Imigresen telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 128 warga Afrika atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Imigresen 1959/63.

Kesalahan itu termasuk tamat tempoh permit, terlibat dalam aktiviti pelacuran dan pemalsuan dokumen.

Daripada jumlah itu, 48 peratus kesalahan adalah dilakukan oleh warga Nigeria diikuti Sudan dengan 18 peratus dan Somalia (13 peratus).

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd. Bakri Mohd. Zinin turut menyatakan kebimbangannya dengan kebanjiran warga Afrika yang bertumpu di beberapa lokasi terpilih di ibu negara seperti Puchong, Seri Kembangan, Ampang, Kepong dan Pandan Indah.

Ketika diminta mengulas mengenai senario itu, pemimpin nombor satu Jabatan Siasatan Jenayah itu berkata, situasi tersebut ekoran wujudnya persepsi kononnya mereka akan berada di ruang lingkup yang 'selesa' jika berada di kawasan dipenuhi kaum mereka.

"Jadi ia akan mendorong serta cenderung untuk melakukan jenayah disebabkan memikirkan mereka 'raja' di kawasan itu," katanya di sini hari ini.

Tegasnya, polis sentiasa memantau pergerakan mereka termasuk meletakkan anggota polis berpakaian preman terutama di kawasan-kawasan yang menjadi lokasi tumpuan golongan itu.

Beliau menambah, sekiranya dilihat pada trend terkini, warga Afrika kebanyakannya memasuki negara menggunakan pas pelajar.

"Bila sampai sini, mereka tak belajar sebaliknya melakukan jenayah. Pas sebagai pelajar khususnya di institusi pengajian tinggi (IPT) kebanyakannya swasta itu hanyalah sebagai tiket untuk mereka memasuki Malaysia," ujarnya.

Pada masa sama, beliau tidak menolak kemungkinan mereka menyamun kaum mereka sendiri. Bagaimanapun, mangsa mungkin tidak mendedahkan atau membuat laporan kerana kluatir keselamatan disebabkan mereka senang dikesan di kalangan sesama kaum.

Apa yang membimbangkan serta menimbulkan rasa kurang selesa di kalangan orang ramai, kata Mohd. Bakri, adalah gelagat mereka yang gemar berkumpul secara beramai-ramai di kawasan-kawasan tumpuan ramai.

"Berdasarkan perangkaan, kebanyakan daripada mereka dilihat terlibat dalam kegiatan pemalsuan wang, dadah, penipuan dan curi," ujarnya.

Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, kata Mohd. Bakri, seramai 21 warga Afrika ditahan kerana terlibat dalam pelbagai kesalahan jenayah.

Menurutnya, 76 peratus daripada kesalahan yang dilakukan adalah mencuri, diikuti pecah rumah, samun berkawan tanpa senjata dan mendatangkan kecederaan.

Berdasarkan perangkaan sepanjang tahun lalu, beliau berkata, jenayah curi membabitkan warga Afrika masih mengatasi kesalahan lain dengan 54 peratus, diikuti samun berkawan tanpa bersenjata, pecah rumah, mendatangkan kecederaan dan bunuh.

Beliau berkata, trend terkini juga memperlihatkan penglibatan mereka dalam kes-kes pecah hotel.

Dalam pada itu Mohd. Bakri mengakui warga Afrika memang cukup pandai untuk memikat wanita tempatan dengan menggunakan pujuk rayu sebagai senjata utama mereka.

"Wanita kita (Malaysia) pula senang terpedaya dengan kata-kata manis tanpa menyedari agenda mereka di sebalik itu," jelasnya.

Malah, lebih menyedihkan kata beliau, ada wanita tempatan yang sanggup merelakan diri mereka dicabul dan dirogol.

Sehubungan itu, beliau meminta, gadis-gadis tempatan supaya mengambil iktibar dan tidak mudah terjerumus untuk melakukan perbuatan-perbuatan terkutuk dan salah di sisi undang-undang.

ARKIB : 16/11/2009

Black money masih aktif

KUALA LUMPUR 15 Nov. - Jabatan Pengaduan dan Perkhidmatan Awam MCA hari ini sekali lagi mengingatkan orang ramai agar tidak terpedaya dengan sindiket penipuan black money kerana dipercayai masih aktif 'memancing' mangsa.

Ketuanya, Datuk Michael Chong berkata, ini kerana sindiket terbabit dikesan masih menghantar e-mel tertentu untuk menjerat mangsa.

Katanya, antaranya ialah kononnya mereka terpilih sebagai penerima untuk sejumlah wang tunai mencecah jutaan ringgit yang tidak dituntut.

"Pihak kami ingin menasihatkan orang ramai supaya tidak mempedulikan emel-emel seumpama itu, sebaliknya memadamkannya terus.

"Semua itu adalah palsu semata-mata. Mana ada orang yang ingin agihkan wang ratusan ribu atau jutaan ringgit dalam sekelip mata kepada orang yang mereka langsung tidak kenali," katanya pada sidang akhbar di Wisma MCA di sini baru-baru ini.

Michael berkata, sejak 2004, pihaknya menerima sekurang-kurangnya 20 kes mangsa penipuan black money, membabitkan kerugian mencecah kira-kira RM4 juta.

Katanya, salah seorang mangsa yang merupakan ahli perniagaan berusia 37 tahun mengalami kerugian kira-kira RM1.9 juta.

ARKIB : 16/08/2009

Dua pelajar Afrika ditahan

Oleh HUSSAINI AMRAN
utusann9@utusan.com.my

SEREMBAN 15 Ogos - Polis menahan dua pelajar lelaki warga Afrika dan merampas sejumlah wang palsu RM50, RM100 dan AS\$100 bernilai hampir RM400,000 dalam serbuan di sebuah hotel bajet di Nilai dekat sini awal pagi ini.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Osman Salleh berkata, kedua-dua suspek berusia 20 dan 23 tahun itu yang berasal dari Nigeria dan Republik Guinea ditahan dalam serbuan kira-kira pukul 2 pagi.

Katanya, hasil pemeriksaan menemui wang palsu berkenaan iaitu RM50 bernilai RM299,700, RM100 (RM60,400) dan 38 keping wang palsu AS\$100.

"Sebanyak tiga telefon bimbit serta sebuah komputer riba milik kedua-dua suspek turut dirampas," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen negeri dekat sini hari ini.

Osman menambah, hasil soal siasat, kedua-dua suspek menuntut di institusi pengajian tinggi swasta di Kuala Lumpur dan Cyberjaya dan dipercayai memasuki negara ini dua tahun lalu.

Beliau memberitahu, kesemua wang kertas palsu yang dirampas dipercayai diproses menggunakan teknik imbasan berdasarkan kualitinya yang rendah.

"Kedua-dua suspek disyaki merancang untuk menggunakan wang kertas palsu RM50 dan RM100 di pasar-pasar malam bagi mengelakkan penipuan mereka terbongkar.

"Kita juga sedang menyiasat sama ada wang palsu AS\$100 ada kaitan dengan sindiket penipuan *black money*," katanya.

Osman berkata, kedua-dua suspek sedang disiasat di bawah Seksyen 489C Kanun Keseksaan dan boleh dikenakan hukuman maksimum 20 tahun penjara jika sabit kesalahan.

ARKIB : 01/01/2009

Black Money: Dua warga Afrika ditahan

Oleh WAN NOOR HAYATI WAN ALIAS

KUALA LUMPUR 31 Dis. - Polis menahan dua lelaki warga Afrika kerana disyaki terlibat dalam sindiket penipuan Black Money berjumlah RM1.5 juta di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Ketika ditahan pada pukul 1 petang ini, tiga anggota sindiket itu termasuk kedua-dua suspek sedang memerangkap mangsa dalam premis terbabit.

Dua daripada mereka berjaya ditahan manakala seorang daripadanya melarikan diri apabila menyedari kehadiran pasukan polis.

Kira-kira 24 jam sebelumnya iaitu pada pukul 1 petang semalam, mangsa seorang pesara dari Eropah berusia 73 tahun membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur mendakwa ditipu RM1.5 juta sindiket Black Money terbabit.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Aris Ramli (**gambar**) memberitahu, mangsa mengenali ketiga-tiga suspek sejak tiga tahun lalu.

"Tiga bulan lalu, warga emas itu diperdaya untuk membiayai kos membeli bahan kimia yang boleh melunturkan warna hitam di atas wang haram itu.

"Taktik sama digunakan seperti kes-kes penipuan *Black Money* sebelum ini iaitu memujuk mangsa menyerahkan wang berperingkat-peringkat," katanya pada sidang akhbar di IPK Kuala Lumpur di sini hari ini.

Jelasnya, polis tidak menolak kemungkinan ada mangsa lain yang turut diperangkap sindiket terbabit.

Aris menambah, sindiket tersebut menyasarkan mangsa yang sedang bersantai dan berehat di tempat-tempat minum eksklusif atau menjadi teman sembang menerusi Internet.

Katanya, sepanjang tahun ini 37 kes penipuan *Black Money* dilaporkan di Kuala Lumpur dengan lapan daripadanya sudah dituduh di mahkamah, tujuh kes ditangguh dan 22 kes lagi dalam siasatan.

ARKIB : 09/08/2008

Amaran kepada rakyat Afrika terlibat black money

KUALA LUMPUR 8 Ogos – Polis memberi amaran keras dan tidak akan teragak-agak bertindak tegas kepada warga asing terutamanya rakyat Afrika yang terlibat dalam sindiket black money.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar meminta mereka yang masih aktif dalam sindiket tersebut supaya menghentikannya dengan serta-merta.

“Sekiranya keadaan ini berterusan kita terpaksa mengambil tindakan keras ke atas mereka,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) di sini hari ini.

Sempena Minggu Pencegahan Jenayah, MCPF akan mengadakan seminar sehari di Hotel Sunway secara percuma kepada orang ramai pada 23 Ogos ini.

Tambah Khalid, polis telah mengesan beberapa kumpulan sindiket black money yang didalangi oleh rakyat Afrika di sekitar Lembah Klang.

Katanya, kini polis sedang memasang perangkap untuk memberkas mereka.

Bagaimanapun beliau menolak kemungkinan sindiket berkenaan mempunyai rangkaian dengan rakyat tempatan.

Selain itu, katanya, sikap rakyat tempatan yang mudah terpengaruh kepada rangsangan mendapat wang dengan cepat menyebabkan sindiket black money yang membabitkan rakyat Afrika sukar dibanteras.

ARKIB : 01/08/2008

Eramin 5 bernilai RM15 juta dirampas

KUALA LUMPUR 31 Julai - Polis berjaya menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah apabila merampas sebanyak 987,500 biji pil eramin 5 bernilai kira-kira RM15 juta dalam satu operasi di Taman Sri Serdang dekat sini, pagi semalam.

Taktik sindiket itu ialah meletakkan dadah tersebut dalam 23 kotak yang dimuatkan sekali bersama 297 kotak rim tayar dalam satu treler bagi mengaburi mata pihak berkuasa.

Dadah tersebut dipercayai dibawa masuk dari sebuah negara jiran melalui Pelabuhan Klang bagi pasaran tempatan.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman, Datuk Zulhasnan Najib Baharudin berkata, kejayaan terbesar melibatkan rampasan pil eramin 5 sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah hasil kerjasama rakan polis serantau.

Menurutnya, rampasan itu juga membawa kepada penahanan 10 suspek termasuk dalangnya yang terdiri tujuh lelaki dan tiga wanita berusia 23 hingga 45 tahun.

"Sebanyak tujuh daripada mereka adalah rakyat tempatan manakala tiga lagi warga negara asing," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Zulhasnan memberitahu dalam kejadian itu enam suspek ditahan ketika mereka memunggah kotak-kotak berisi dadah dari kontena tersebut ke dalam sebuah restoran kosong di Taman Sri Serdang pada pukul 11.30 pagi semalam.

Beliau berkata, susulan itu, empat lagi suspek ditahan dalam dua serbuan berasingan di Taman Cheras Hartamas dan Subang Jaya.

Katanya, menerusi operasi berkenaan, polis turut berjaya menemui dadah jenis syabu seberat 195 gram, wang tunai berjumlah RM190,000, mata wang AS\$14,000 dan sejumlah kecil mata-mata wang asing yang lain.

"Turut dirampas ialah enam buah kereta termasuk dua buah Mercedes Benz," jelasnya.

Namun Zulhasnan tidak menolak kemungkinan sindiket tersebut turut terlibat dalam kegiatan memproses wang palsu (black money) ekoran penemuan 27 ikat kertas hitam dan 470 keping not mata wang AS\$100 palsu.

Beliau berkata, sembilan suspek disiasat mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 manakala seorang lagi di bawah Langkah-langkah Pencegahan Khas (LLPK) 1985.

Katanya, dadah sintetik seperti pil eramin 5 yang mendapat permintaan tinggi sejak kebelakangan ini telah mendorong pihak-pihak tidak bertanggungjawab menyeludupnya ke negara ini secara besar-besaran.

ARKIB : 31/08/2010

3 ditahan, AS\$10j black money dirampas

KUALA LUMPUR 30 Ogos - Tiga pelajar warga Afrika yang terlibat dalam kegiatan black money umpama 'menggali kubur sendiri' apabila membuat laporan polis selepas bergaduh sesama sendiri.

Bertindak atas laporan tersebut, polis berjaya membongkar kegiatan haram itu setelah melakukan pemeriksaan di rumah sewa mereka di Bandar Sungai Long di sini, Khamis lalu.

Dalam pemeriksaan itu, polis secara tidak sengaja menemui pelbagai jenis peralatan digunakan untuk menjalankan kegiatan Black Money termasuk 100,000 keping mata wang palsu dolar Amerika Syarikat (AS) bernilai AS\$10 juta (RM31.3 juta).

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Mohd. Shakaruddin Che Mood berkata, tiga pelajar dari Nigeria termasuk seorang wanita sebelum itu, bergaduh sesama sendiri di rumah sewa mereka kira-kira pukul 10 malam.

Beliau berkata, salah seorang pelajar lelaki yang bergaduh itu kemudian membuat laporan menyebabkan polis datang ke rumah mereka untuk menyiasat.

Katanya, pegawai penyiasat yang membuat pemeriksaan di rumah terbabit kemudian menemui kepingan kertas yang dicetak dengan mata wang AS\$100.

"Sebaik sahaja menemui wang palsu itu, pegawai terbabit terus membuat pemeriksaan menyeluruh di rumah tersebut yang membawa penemuan dua beg berisi potongan kertas berwarna hijau bersaiz mata wang AS\$100.

"Turut ditemui botol berisi cecair, bungkusan plastik dan mesin pengimbas dipercayai peralatan digunakan untuk mencetak mata wang palsu," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang dekat sini hari ini.

Mohd. Shakaruddin berkata, kepingan kertas yang digunakan untuk membuat wang palsu itu diikat dalam jumlah tertentu dan hanya bahagian depan dan belakang dicetak dengan mata wang manakala bahagian tengah dibiarkan kosong.

Beliau berkata, suspek akan menemui mangsa mendakwa memiliki wang kotor yang boleh dicuci dengan sejenis cecair dan menawarkan untuk menjual cecair terbabit dengan harga mencecah puluhan ribu ringgit.

Katanya, wang kotor itu akan diberikan secara percuma dengan syarat mangsa bersetuju membeli cecair tersebut.

"Siasatan mendapati, ketiga-tiga suspek merupakan pelajar sebuah kolej swasta di ibu negara dan menyewa bersama di rumah tersebut sejak dua bulan lalu," katanya.

Beliau berkata, suspek wanita berusia 23 tahun dan dua rakan lelakinya berusia 23 dan 24 tahun kini direman untuk siasatan lanjut di bawah Seksyen 489C Kanun Keseksaan.

Katanya, jika sabit kesalahan, mereka boleh dikenakan hukuman maksimum 20 tahun penjara.

ARKIB : 09/07/2010

19 warga Afrika ditahan dalangi sindiket 'tipu bungkusan'

KUALA LUMPUR 8 Julai - Selepas dikaitkan dengan 'Black Money' dan 'cinta Internet', satu lagi sindiket didalangi warga Afrika berjaya dibongkar.

Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman kali ini berjaya menumpaskan sindiket 'tipu bungkusan' melibatkan kerugian jutaan ringgit selepas menangkap 21 individu termasuk tiga wanita.

Polis percaya berjaya menyelesaikan sebahagian daripada 83 kes yang dilaporkan sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Tangkapan ke atas 16 lelaki warga Nigeria, seorang lelaki Ghana, seorang Ivory Coast, serta tiga wanita masing-masing dari Bostwana, Filipina dan seorang rakyat tempatan berusia lingkungan 20 hingga 30-an itu dilakukan dalam lapan serbuan berasingan di sekitar ibu negara dan Lembah Klang, sepanjang dua minggu lalu.

Polis turut menemui dan merampas wang tunai bernilai RM42,979, 14 buah komputer meja dan riba, 16 telefon bimbit, slip bank dan peralatan lain dipercayai digunakan untuk kegiatan jenayah mereka.

Ketua Penolong Pengarah Operasi JSJK Bukit Aman, Asisten Komisioner Rohaimi Md. Isa berkata, kebanyakan suspek memasuki negara ini menggunakan pas pelajar asing dan berdaftar di kolej-kolej swasta di sini.

Menurut beliau, kesemua mereka merupakan anggota sindiket berbeza, tetapi dikatakan mengenali sesama mereka dan melakukan kegiatan sama.

"Kegiatan penipuan didalangi warga Afrika bukanlah sesuatu yang baru, daripada 'Black Money' sehinggalah 'Penipuan Bungkusan', cuma mereka bertukar-tukar modus operandi dari masa ke semasa.

"Dalam enam bulan pertama ini, 253 kes penipuan oleh warga Afrika dilaporkan kepada polis melibatkan jumlah kerugian RM4.7 juta.

"Sejumlah 83 daripadanya adalah 'Penipuan Bungkusan'," katanya pada sidang akhbar di pejabat JSJK Bukit Aman di Kompleks Bukit Perdana di sini hari ini.

Menghuraikan modus operandi suspek, Rohaimi memberitahu, sasaran mangsa mereka ialah wanita tempatan terdiri daripada golongan janda atau bujang berusia di antara 40 dan 50-an.

Beliau berkata, mereka akan menjerat mangsa menerusi laman web sosial dengan menggunakan janji-janji manis melalui telefon atau bersembang dalam Internet.

"Lama-kelamaan, mangsa akan jatuh cinta tanpa menyedari mereka sebenarnya terjerat perangkap yang dipasang dan ketika itu suspek akan bertindak.

"Suspek akan memaklumkan mangsa kononnya akan melawat negara ini dan menjanjikan satu bungkusan hadiah mewah sebagai tanda kasih sayang," ujar beliau.

Menurutnya, barangan yang dijanjikan biasanya terdiri daripada barang kemas, beg dan jam tangan berjenama, komputer riba dan barangan mahal lain termasuk dolar Amerika dan pound Sterling yang akan dikirimkan menerusi syarikat penghantaran.

"Mangsa kemudian akan diberitahu bungkusan tersebut telah sampai, tetapi terkandas pada kastam. Seorang 'pegawai kastam' pula akan menghubungi mangsa dan menjelaskan sejumlah bayaran untuk menuntut bungkusan itu," ujar Rohaimi.

Tambah beliau, suspek akan meyakinkan mangsa membuat bayaran secara berperingkat-peringkat, daripada puluhan sehingga ada yang mencecah ratusan ribu ringgit mengikut kemampuan mangsa.

"Mangsa yang dilamun cinta akan berbuat demikian sehinggalah mereka kehabisan wang dan akhirnya sedar diri mereka ditipu kerana bungkusan itu langsung tidak wujud," jelas beliau.

Sehubungan itu, Rohaimi menasihati orang ramai khususnya wanita tempatan supaya tidak mudah percaya jika berkenalan di Internet.

Sumber : <http://www.utusanmalaysia.com.my>
Tarikh Akses : 15 Ogos 2011

Headline: Gagal tukar wang palsu
Publication: HM
Date of publication: Nov 10, 2010
Section heading: Main Section
Page number: 030
Byline / Author: Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin

KUALA LUMPUR: Tiga warga emas dari Jepun dan Iran yang mahir memalsukan wang ditahan ketika cuba menukar 129 keping not RM100 palsu di sebuah bank tempatan di Jalan Raja Chulan, di sini.

Semua warga emas terbabit yang berusia antara 55 dan 60 tahun memasuki negara ini menggunakan visa pelancong dan dipercayai menyeludup sama wang palsu berkenaan.

Dalam kejadian awal minggu lalu, semua suspek ke sebuah bank tempatan di Jalan Raja Chulan bagi menukar 129 keping not RM100 berjumlah RM12,900.

Menurut sumber polis, pada mulanya urusan penukaran wang itu di kaunter berjalan lancar berikutan kualiti wang palsu berkenaan hampir 90 peratus menyamai wang tulen.

"Bagaimanapun kakitangan bank bertugas berasa sangsi terhadap urusan yang ingin dilakukan ketiga-tiga suspek sebelum merujuk perkara itu kepada penyelia bank terbabit bagi mendapatkan kepastian," katanya.

Menurutnya, penyelia bank berkenaan yang mendapati wang kertas terbabit adalah palsu kemudian segera menghubungi polis sebelum ketiga-tiga suspek terbabit diberkas.

"Susulan penahanan itu, polis kemudian menyerbu bilik hotel didiami suspek di ibu kota sebelum siasatan menemui lebih banyak wang kertas palsu disembunyikan di dalam bilik berkenan.

"Berdasarkan pasport ditemui, dua dari lelaki warga emas yang ditahan berasal dari Jepun manakala seorang lagi berasal dari Iran. Semua mereka memasuki negara ini secara sah dan dipercayai merancang untuk melakukan jenayah itu," katanya.

Menurutnya, suspek didapati sudah beberapa kali memasuki negara ini dengan alasan untuk melakukan urusan perniagaan.

"Ketika disoal siasat, suspek memberi alasan wang berkenaan diperoleh dari sindiket penipuan 'Black Money' dan mendakwa tidak mengetahui bahawa semua wang terbabit adalah palsu. Alasan rapuh terbabit bagaimanapun menimbulkan curiga apabila ketiga-tiga suspek yang disoal siasat secara berasingan memberikan maklumat bercanggah selain wujud unsur penipuan.

"Susulan itu, ketiga-tiga suspek ditahan reman mengikut Seksyen 489C Kanun Keseksaan kerana memiliki mata wang palsu sebagai tulen yang boleh membawa hukuman penjara sehingga 10 tahun dan denda," katanya,.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), Datuk Syed Ismail Syed Azizan mengesahkan berhubung penahanan tiga suspek warga asing terbabit dan siasatan masih dilakukan.

Headline: Jerat `Awang Hitam'

Publication: MA

Date of publication: Oct 3, 2010

Section heading: Informasi Elektif

Page number: 002

Byline / Author: Oleh Raja Norain Hidayah Raja Abdul Aziz

DENGAN kepakaran `mengalun' ayat cinta menerusi e-mel dan laman sosial, sebahagian warga Afrika yang kononnya berkunjung ke negara ini sebagai pelancong atau pelajar dikesan memerangkap golongan wanita pertengahan usia bermodal tebal untuk mendapatkan wang mudah.

Warga Afrika itu dikatakan akan berkenalan dengan wanita tempatan dengan menggunakan identiti dan gambar palsu bagi mengaburi mangsa.

Kebiasaannya mereka menggunakan gambar lelaki berkulit putih untuk menjerat mangsa, di samping menggoda dengan menggunakan kata-kata cinta dan rayuan.

Selepas pasti mangsa berada dalam genggamannya, mereka mula bertindak dengan memberitahu mangsa kononnya mahu mengirim bungkusan bernilai ribuan ringgit kepada mangsa.

Dalam tempoh beberapa hari kemudian, mangsa akan menerima panggilan daripada individu yang menyamar sebagai pegawai kastam dan memaklumkan barangan yang dikirim itu dikenakan cukai.

Lebih licik, warga Afrika terbabit bersekongkol dengan wanita tempatan yang menyamar sebagai pegawai kastam dan bertutur dalam bahasa Melayu bagi meyakinkan mangsa.

Tidak cukup dengan itu, mangsa juga akan menerima panggilan telefon daripada individu yang mendakwa mereka dari pejabat kedutaan dan pihak kurier serta menyatakan kiriman perlu dikenakan caj tertentu.

Individu yang membuat panggilan itu akan memaklumkan bahawa mangsa perlu membayar sejumlah wang sebelum kiriman berkenaan sampai di tangan mangsa.

Mangsa yang terpedaya akan memasukkan jumlah dikehendaki ke dalam beberapa akaun berbeza milik warga tempatan sehingga dalam tidak sedar mereka ditipu sehingga ribuan ringgit.

Mangsa hanya akan menyedari ditipu apabila barang dikirim tidak sampai ke tangan mereka walaupun sudah menjelaskan bayaran berkenaan.

Modus operasi penipuan bungkusan paling popular membabitkan `Awang Hitam' itu didedahkan

Ketua Penolong Pengarah (Operasi) JSJK Bukit Aman, Asisten Komisioner Rohaimi Md Isa dalam temubual eksklusif bersama Metro Ahad di pejabatnya, baru-baru ini.

Penipuan seumpama itu adalah sebahagian besar daripada 385 kes penipuan yang direkodkan JSJK Bukit Aman dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini membabitkan kerugian RM7.45 juta.

Jumlah kes itu membimbangkan kerana ia meningkat hampir sekali ganda berbanding 265 kes dan kerugian berjumlah RM7.02 juta dalam tempoh sama tahun lalu.

Rohaimi berkata, Kuala Lumpur mencatat jumlah kerugian paling banyak dalam tempoh enam bulan tahun ini iaitu sebanyak RM2.5 juta yang membabitkan 75 kes.

Katanya, mereka menjalankan kegiatan penipuan dengan menggunakan pelbagai cara, terutama melalui bungkusan dan black money.

"Dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, sejumlah 89 individu yang terbabit dalam kedua-dua penipuan ini ditangkap.

"Malah, penipuan melalui bungkusan juga dilihat semakin berleluasa sejak tiga tahun kebelakangan ini berdasarkan jumlah tangkapan yang direkod dalam tempoh itu apabila ia semakin menghampiri jumlah keseluruhan 120 tangkapan kes sepanjang tahun lalu," katanya.

Berdasarkan siasatan, warga Nigeria didapati aktif menjalankan kegiatan penipuan menerusi bungkusan ini dengan jumlah tangkapan sebanyak 68 kes sepanjang tahun lalu diikuti dengan warga Afrika Selatan, 37 tangkapan.

Bagaimanapun, jika dulu penipuan black money sering dikaitkan dengan warga Afrika, trend berkenaan dilihat semakin menurun sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Berdasarkan statistik yang direkod, jumlah tangkapan individu yang terbabit dalam kegiatan itu adalah 24 orang pada tahun lalu dan hanya enam tangkapan dilakukan sehingga Jun tahun ini.

Walaupun jumlah tangkapan dilihat semakin menurun, kegiatan itu dipercayai masih aktif apabila sindiket black money mensasarkan ahli perniagaan yang inginkan keuntungan berlipat kali ganda sebagai mangsanya.

Mangsa yang kelabu mata mudah terpedaya dengan kegiatan ini yang kononnya dapat 'mencuci' sehelai kertas dan bertukar menjadi wang dolar Amerika Syarikat.

Dakwa mereka, teknik itu digunakan oleh Amerika Syarikat untuk membantu negara miskin di benua Afrika bagi meningkatkan nilai mata wang negara itu.

Mangsa akan ditunjukkan teknik 'mencuci' wang berkenaan bagi meyakinkan mangsa untuk membuat pelaburan.

Selain penipuan bungkusan dan black money, ada beberapa penipuan yang membabitkan golongan ini, antaranya menggunakan wasiat pusaka, tawaran kerja dan loteri.

Seiring dengan peredaran masa dan ledakan teknologi, penjenayah lebih selesa melakukan penipuan ini menerusi Internet, termasuk menggunakan laman sosial seperti facebook, twitter dan tagged.

Banyak faktor dikenal pasti mendorong golongan berkenaan melakukan kegiatan jenayah sedemikian di negara ini antaranya pemberian kemudahan Visa Sewaktu Ketibaan (VOA) kepada pelancong.

Visa yang diperkenalkan bagi menggalakkan kedatangan pelancong ke negara ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 itu disalahgunakan oleh segelintir pelancong untuk melakukan kegiatan berkenaan.

Rohaimi berkata, langkah kerajaan memansuhkan visa berkenaan yang berkuat kuasa 16 Ogos lalu dilihat sebagai satu langkah positif untuk mengekang penularan jenayah itu.

Katanya, pemberian visa berkenaan mendorong pelancong masuk ke negara ini untuk melakukan pelbagai jenayah dan tinggal melebihi masa ditetapkan.

"Sebelum ini, jenayah ini tidak pernah wujud di Malaysia tetapi dibawa masuk oleh pelancong sehingga menjadi trend membimbangkan di negara ini.

"Golongan ini biasa melakukan kegiatan jenayah terbabit di negara mereka dan bertindak `memperluaskan' aktiviti mereka ke negara luar," katanya.

Dengan pemansuhan visa itu, beliau menjangkakan jumlah kes jenayah membabitkan pelancong asing akan menunjukkan penurunan.

Bagaimanapun, sukar untuk membanteras kegiatan ini secara keseluruhan kerana negara tidak mengamalkan penggunaan sistem biometrik yang dapat merekod dan mengawal kemasukan pelancong asing secara meluas.

"Pelancong asing yang didapati terbabit dalam kegiatan jenayah akan disenaraihitamkan daripada memasuki negara ini, namun ada di antara mereka bijak dengan memasuki negara ini semula menggunakan pasport orang lain.

"Kita sukar mengesan golongan ini kerana tiada sistem dapat mengesan pergerakan keluar masuk mereka secara sistematik," katanya.

Bagaimanapun, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein pada 22 Ogos lalu memaklumkan sistem berkenaan akan diperluaskan penggunaannya menjelang bulan depan.

Inisiatif itu dilihat sebagai satu daripada langkah untuk mempertingkatkan sistem kawalan keselamatan sedia ada di Jabatan Imigresen, sekali gus dapat memantau kemasukan dan pergerakan warga asing.

Menerusi sistem itu, status warga asing boleh diketahui apabila mereka memohon visa pelancong, visa pelajar serta permit kerja.

Warga asing yang didapati pernah melakukan jenayah akan dihalang daripada memasuki

negara ini, sekali gus dapat membendung penularan kegiatan jenayah.

Namun, usaha kerajaan dan pihak berkuasa tidak mencukupi jika orang ramai di luar sana membuka ruang kepada penjenayah itu untuk menjadikan mereka sebagai mangsa.

Orang ramai dinasihatkan supaya tidak sewenang-wenangnya mempercayai apa juga tawaran mencurigakan menerusi panggilan telefon, e-mel, laman sosial mahupun khidmat pesanan ringkas (SMS).

Katanya, mereka sepatutnya menyiasat terlebih dulu individu yang menawarkan pelbagai bentuk pelaburan dan hadiah sebelum menyatakan persetujuan.

Sikap individu yang tamak, mudah mempercayai orang luar dan tidak sensitif dengan keadaan sekeliling menjadikan mereka sasaran dan mangsa sindiket penipuan ini.

Malah ada mangsa memberitahu, mereka tidak pernah mengetahui mengenai sindiket penipuan ini walaupun ia dipaparkan di dalam media.

Headline: Sindiket 'black money' tumpas, 3 pelajar asing ditahan

Publication: BH

Date of publication: Aug 31, 2010

Section heading: Main Section

Page number: 041

KAJANG: Polis berjaya menumpaskan sindiket 'black money', berikutan penahanan tiga pelajar kolej swasta dari Nigeria dalam satu serbuan di sebuah rumah teres dua tingkat di Bandar Sungai Long di sini, Khamis lalu.

Dalam serbuan jam 10 malam itu, kira-kira 100,000 keping kertas bercetak AS\$1 dengan nilai pasaran tempatan RM342,000 ditemui disembunyikan dalam dua beg pakaian, selain pelbagai peralatan membuat wang palsu.

Antaranya mesin pengimbas, set komputer dan botol plastik mengandungi bahan kimia di salah sebuah bilik di rumah itu yang dipercayai disewa tiga pelajar asing terbabit.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Sakaruddin Che Mood, berkata siasatan mendapati wang palsu itu dipercayai bukan untuk diedarkan kepada pelanggan seperti kebiasaannya, sebaliknya digunakan untuk memperdayakan mangsa mereka.

"Kita menemui wang palsu itu berikat dalam dua beg berkenaan, dengan setiap satu ikatan mempunyai 1,000 keping didakwa bernilai AS\$1. Di bahagian atas dan bawah memang bercetak mata wang dolar Amerika Syarikat, selebihnya cuma kertas kosong.

"Justeru, kami menganggap kes ini lebih kepada sindiket 'black money' bukannya wang palsu," katanya.

Katanya, siasatan turut mendapati ketiga-tiga pelajar itu berusia lingkungan 20-an baru dua bulan menjalankan kegiatan mereka dengan hasilnya digunakan untuk biaya kos kehidupan,

termasuk yuran pengajian.

Sementara itu, beliau berkata, polis menyelamatkan 12 gadis dan wanita pendatang tanpa izin Indonesia berusia 14 hingga 42 tahun yang dipercayai dieksploitasikan sebagai pembantu rumah dari sebuah rumah di Taman Bukit Permai, Sabtu lalu.

Headline: Tawar RM44j wang palsu

Publication: HM

Date of publication: Feb 24, 2009

Section heading: Main Section

Page number: 007

Byline / Author: Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin

KUALA LUMPUR: Jelas menyimpang niat asal mahu menggapai ijazah apabila ramai pelajar kolej swasta warga Afrika yang menuntut di negara ini dikesan terbabit dalam sindiket penipuan wasiat Internet yang menawarkan mangsa wang palsu mencecah RM44 juta.

Lebih mengejutkan apabila kumpulan pelajar yang aktif dalam penipuan skim Afrika ini sanggup menyamar sebagai pegawai Kedutaan British dengan menghasilkan kad kuasa palsu untuk menipu mangsa dan polis.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Muhammad Sabtu Osman berkata, dalam kes terbaru, dua pelajar warga Afrika berasal dari Cameroon menjadikan sebuah bilik hotel lima bintang di ibu kota sebagai markas untuk memperdaya mangsa melalui penipuan wang wasiat.

"Berdasarkan maklumat penipuan Black Money diperoleh, sepasukan anggota polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, menyerbu hotel berkenaan sebelum menahan dua lelaki terbabit.

"Hasil serbuan itu, polis merampas satu beg hitam mengandungi 121 ikatan wang dollar Amerika, AS\$100 palsu, 12 ikatan kertas hitam ukuran mata wang AS dan dua keping kad identiti diplomat Kedutaan British," katanya.

Menurutnya, dua suspek sebelum ini memperdaya seorang wanita warga Australia kononnya mangsa memperoleh wang wasiat sejumlah AS\$12,520,050.

"Suspek yang menyamar sebagai pemegang amanah bagi wang wasiat itu memperdaya mangsa kononnya wang terbabit adalah milik pak cik mangsa bernama Mike Kennedy yang mempunyai nama keluarga sama dengan ayah mangsa.

"Mangsa yang mudah ditipu melalui Internet itu diarah datang ke Malaysia bagi menguruskan pemindahan wang wasiat berkenaan," katanya.

Menurutnya, oleh kerana percaya kata-kata suspek, mangsa bersetuju membayar sejumlah wang AS\$26,500 kepada dua suspek yang datang ke bilik hotel mangsa.

"Suspek yang mendakwa wang terbabit sebagai wang proses penghantaran wang wasiat bagaimanapun berjaya diberkas bersama himpunan wang palsu AS\$12 juta berkenaan,"

katanya.

Dalam kes berasingan, dua pelajar kolej warga Afrika turut diberkas polis pada 16 Februari lalu apabila turut dikesan memperdaya seorang ahli perniagaan warga Brunei melalui skim penipuan menggandakan wang.

Sabtu berkata, siasatan mendapati suspek yang juga penuntut jurusan perniagaan memperdaya seorang ahli perniagaan warga Brunei melalui Internet selepas saling berhubung sejak beberapa bulan lalu.

Menurutnya, suspek dikesan menggunakan umpan seorang lelaki tempatan berusia 60-an serta seorang wanita berusia 30-an yang bekerja sebagai perunding perniagaan sebagai 'orang tengah' bagi meyakinkan mangsa melakukan urus niaga berkenaan.

"Melalui skim ditawarkan itu, mangsa dijanjikan pulangan luar biasa RM300,000 sekiranya sanggup memberikan wang sebanyak AS\$26,500. Mangsa yang teruja dengan tawaran itu mengumpul jumlah wang diminta sebelum diminta datang ke ibu kota.

"Mangsa berjanji berjumpa suspek menyerahkan wang dollar diminta itu kepada seorang wanita tempatan sebelum diberikan wang palsu RM50. Mangsa yang menyedari ditipu membuat laporan polis sebelum sepasukan polis daripada (JSJK) menyerbu sebuah bilik hotel di Jalan Imbi, di sini," katanya.

Menurutnya, hasil serbuan itu, polis menemui satu beg berisi 10 ikatan wang RM50 palsu bernilai RM300,000, selain tujuh telefon bimbit yang digunakan untuk memerangkap mangsa.

"Berikutan itu, satu operasi khas antara JSJK Kuala Lumpur dan Bahagian Operasi JSJK Bukit Aman dilakukan sebelum polis berjaya memberkas dua lelaki Afrika dari Cameroon yang mendalangi penipuan itu," katanya.

(END)

Headline: Mat Salih rugi RM1.5j
Publication: HM
Date of publication: Jan 1, 2009
Section heading: Main Section
Page number: 002
Byline / Author: Oleh Salman Hamat

KUALA LUMPUR: Gelap mata dengan pulangan pelaburan berlipat ganda dijanjikan tiga lelaki warga Afrika, seorang pesara warga Eropah akhirnya kerugian RM1.5 juta apabila menyedari dia sebenarnya melabur wang simpanan dalam sindiket penipuan Black Money.

Bagaimanapun, semua suspek berusia antara 25 dan 30 tahun mengaku sebagai pelajar sebuah kolej swasta di ibu kota ditahan polis tengah hari semalam di sebuah pasar raya apabila mangsa mula ragu apabila tidak mendapat pulangan dijanjikan.

Difahamkan mangsa berusia 73 tahun itu, menaruh kepercayaan kepada tiga suspek berkenaan selepas saling mengenali antara satu sama lain sejak beberapa tahun lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd Aris Ramli berkata, kedua-dua suspek itu ditahan berikutan laporan dibuat mangsa pagi semalam di Ibu Pejabat Polis Kuala Lumpur (IPKKL) bagaimanapun, seorang lagi masih bebas.

"Dalam tempoh perkenalan hampir tiga tahun itu, suspek ibarat menyedut duit mangsa sedikit demi sedikit apabila mengambil wang deposit RM10,000 hingga RM30,000 setiap kali bertemu dan dijanjikan pulangan lumayan.

"Mangsa yang berang dan berasa dirinya tertipu melaporkan kegiatan itu kepada polis dan kemudian berjaya memerangkap suspek ketika mereka bertemu lelaki Eropah itu untuk mengambil wang kononnya untuk skim pelaburan terbaru," katanya.

Katanya, pihaknya masih belum dapat mengesahkan status sebenar semua suspek, bagaimanapun jika benar mereka pelajar seperti didakwa, tindakan akan diambil atas dakwaan menyalahgunakan visa pelajar.

"Sepanjang tahun ini, 37 laporan berhubung sindiket penipuan Black Money dibuat mangsa. Daripada jumlah itu, lapan kes sudah didakwa di mahkamah, 22 kes dalam siasatan, manakala tujuh lagi masih menunggu perkembangan terbaru termasuk kenyataan saksi dan sebagainya untuk tindakan seterusnya," katanya.

Beliau turut menasihatkan orang-ramai supaya berhati-hati dengan taktik licik digunakan ahli sindiket berkenaan, berikutan masih ada yang terpedaya.

(END)

Headline: Anggota Black Money serang polis ditembak
Publication: HM
Date of publication: Aug 6, 2008
Section heading: Main Section
Page number: 02

PUCHONG: Sekumpulan penjenayah dipercayai anggota sindiket penipuan `Black Money' yang baru selesai berunding bersama pelanggan mereka terkejut apabila didatangi beberapa anggota polis ketika mahu menaiki kenderaan, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 12 tengah hari itu, seorang lelaki anggota sindiket terbabit mati, manakala seorang lagi cedera ditembak selepas seorang daripadanya menyerang polis dengan parang walaupun satu das tembakan amaran sudah dilepaskan.

Sebelum kejadian, dua lelaki dan seorang wanita warga Afrika berusia lingkungan 30-an terbabit berurusan dengan pelanggan di sekitar Jalan Industri, Pusat Bandar Puchong di sini.

Bagaimanapun, hasil maklumat, beberapa anggota polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya tiba di tempat kejadian sebelum memeriksa kumpulan terbabit ketika mereka memasuki kenderaan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Nordin, berkata selepas memperkenalkan diri dan ketika ingin membuat pemeriksaan, seorang daripada penjenayah terbabit mengeluarkan parang sebelum cuba menyerang anggota polis.

"Satu das tembakan amaran dilepaskan, namun tidak diendahkan kumpulan terbabit dan mereka masing-masing melarikan diri.

"Berikutan itu, polis terpaksa melepaskan dua tembakan yang mengenai kedua-dua lelaki itu di dada dan punggung.

"Seorang lagi anggota sindiket wanita yang cuba melarikan diri melalui longkang besar ditahan semula," katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini.

Khalid berkata, pihaknya akan menyiasat tempat tinggal suspek, sekali gus mencari jika ada saki baki ahli kumpulan terbabit untuk ditahan.

"Kami juga masih menyiasat hubungan antara suspek dan mengesan anggota lain sindiket terbabit yang dipercayai beroperasi sejak enam bulan lalu," katanya.

Beliau berkata, wanita ditahan itu akan disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Katanya, sindiket penipuan `Black Money' itu dikesan memperdaya orang ramai dengan menjual USD50,000 kepada orang ramai dengan harga RM16,000.

"Setakat ini, kami sudah menerima empat laporan membabitkan penipuan `Black Money' dan polis meminta orang awam yang menjadi mangsa untuk tampil membuat laporan di balai polis berhampiran untuk membantu siasatan," katanya.

(END)

Headline: Restoran bankrap jadi stor

Publication: HM

Date of publication: Aug 1, 2008

Section heading: Main Section

Page number: 08

Byline / Author: Oleh Jamilul Anbia Md Denin; Salman Hamat

KUALA LUMPUR: Siapa sangka sebuah restoran `bankrap' yang terbiar sejak beberapa bulan lalu, dijadikan stor menyimpan sejumlah besar stok bekalan dadah oleh satu sindiket pengedaran antarabangsa bernilai lebih RM20 juta.

Kegiatan sindiket terbabit terbongkar apabila sepasukan anggota daripada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik Bukit Aman menyerbu restoran di Seri Kembangan di sini.

Mereka berjaya menemui ratusan kotak mengandungi hampir satu juta pil Eramin 5 yang disorok bersama rim kereta.

Dalam serbuan jam 12 tengah hari kelmarin, polis turut memberkas enam ahli sindiket terbabit yang asyik memunggah kotak mengandungi bekalan dadah itu dari sebuah treler ke dalam restoran berkenaan selepas beberapa jam diseludup masuk ke negara ini melalui Pelabuhan Klang.

Hasil soal siasat terhadap keenam-enam suspek membawa kepada penahanan empat lagi individu di sekitar Taman Cheras Hartamas dan Subang Jaya, dekat sini.

Antara individu ditahan ialah lima lelaki dan dua wanita tempatan serta dua lelaki dan seorang wanita warga negara Indonesia berusia lingkungan 23 hingga 45 tahun.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman, Datuk Zulhasnan Najib Baharudin, berkata rampasan dadah bernilai jutaan ringgit itu yang mencatatkan kejayaan terbesar polis tahun ini hasil risikan pihaknya sejak beberapa bulan lalu.

Dengan hilai pasaran tempatan hanya RM15 sebiji, pil khayal Eramin 5 mendapat permintaan tinggi dan menjadi pilihan golongan penagih kerana dikatakan lebih murah berbanding dadah sintetik lain.

"Kami menemui 297 kotak mengandungi rim kereta dan 23 daripadanya berisi 98,750 papan pil Eramin 5 selain 195 gram syabu.

"Selain rampasan dadah, 27 ikatan kertas hitam berukuran 6 x 2.5 sentimeter dijumpai yang dipercayai untuk tujuan pemalsuan `black money' serta 470 keping dolar Amerika Syarikat palsu dengan nilai AS\$100 setiap satu, 33 keping kad kredit dan sejumlah barang kemas.

"Wang dolar Amerika Syarikat berjumlah AS\$14,000, mata wang Yuan China, Rupiah Indonesia serta beberapa lagi mata wang negara lain, yang keseluruhannya berjumlah RM190,000 yang

turut dirampas," katanya.

Perkakasan lain dijumpai ialah tiga komputer riba, dua kamera digital dan empat jam tangan berjenama.

Enam kereta, termasuk dua Mercedes Benz serta masing-masing sebuah Toyota Camry, Honda Jazz, Proton Waja dan Perodua dipercayai digunakan ahli sindiket terbabit disita.

(END)

Headline: `Beri kami peluang`

Publication: HM

Date of publication: Jul 7, 2008

Section heading: Main Section

Page number: 11

Byline / Author: Oleh Ahmad Fitri Che Musa

KUALA LUMPUR: "Berilah kami peluang untuk bekerja sambil bagi menampung kos sara hidup di sini kerana sekarang kami hanya bergantung kepada wang ibu bapa dan simpanan.

"Persepsi negatif masyarakat tempatan terhadap kami menyebabkan tiada pihak mahu mengambil kami bekerja walaupun sebagai pekerja am," kata seorang warga Afrika dari Nigeria, James Ikechukwu, 27.

Menurutnya, tidak adil untuk menyamakan semua warga Afrika di negara ini sebagai jahat kerana ada yang serius mahu menyambung pelajaran yang kosnya agak berpatutan selain mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Katanya, mereka memerlukan pekerjaan untuk menanggung perbelanjaan seperti sewa rumah, makan minum dan kos pengangkutan berikutan tidak mahu bergantung kepada ibu bapa dan saudara-mara di kampung halaman.

Ditanya mengenai pembabitkan warga Afrika dalam sindiket dadah dan `Black Money`, dia mengakui perkara itu wujud tetapi hanya membabitkan segelintir sahaja kerana tidak boleh menghukum semua warga Afrika, semata-mata segelintir kumpulan yang melakukan jenayah.

Seorang lagi pelajar sebuah kolej swasta di sini, Abdullah Judeen, 28, dari Afrika Selatan berkata, masyarakat tempatan memandang serong terhadap warga Afrika di sini, padahal tujuan mereka ke sini adalah untuk belajar.

"Apabila sukar mendapat kerja, ramai yang mencari pendapatan tambahan dengan menjual jam, tali pinggang dan sebagainya bagi menampung kos sara hidup di sini.

"Tiada cuti bagi kami kerana jika tiada kelas, kami terpaksa mencari wang lebih," katanya yang tidak menafikan segelintir warga Afrika terbabit dengan jenayah menyebabkan masyarakat mempunyai tanggapan buruk terhadap golongan itu.

Bagaimanapun, dia meminta masyarakat tempatan supaya memberikan peluang pekerjaan

kepada warga Afrika sebelum mereka membuat tanggapan atau penilaian buruk terhadap dia dan rakan serantaunya.

"Jangan menjatuhkan `hukuman' sebelum mengenali kami kerana tidak semua warga Afrika jahat. Tidak adil untuk beranggapan begitu," katanya yang mendakwa kadang-kadang terpaksa mengikat perut kerana mahu berjimat-cermat.

Pelajar yang mengikuti pengajian bahasa di sebuah kolej di sini, Rakuma Kasino, 38, dari Bostwana berkata, dia pernah cuba memohon pekerjaan sambilan di kedai cuci kereta, buruh dan kedai makan tetapi semuanya hampa.

"Saya dah cuba, tetapi mereka enggan ambil saya dengan pelbagai alasan. Tetapi saya hairan, warga Bangladesh dan Indonesia yang tiada permit lebih senang mendapat kerja.

"Kami rajin dan bertenaga. Kami boleh menjadi pekerja yang lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh berbanding pekerja asing lain, tetapi kami tidak diberi peluang kerana tanggapan buruk masyarakat," katanya.

Pelajar Diploma Pentadbiran Perniagaan di Nigeria, Kamala Lance, 28, pula berkata rumah sewanya pernah diserbu pihak berkuasa ketika dia dan rakannya sedang tidur.

"Kami dikasari kerana mereka menganggap kami tidak mempunyai dokumen sah, tetapi apabila kami menunjukkan dokumen tertentu termasuk kad pelajar, barulah mereka beredar.

"Jangan anggap semua warga Afrika jahat kerana ada yang datang dengan tujuan semata-mata mahu belajar," katanya.

Menurutnya, dia suka dengan persekitaran di negara ini tetapi sedih berikutan tanggapan serong masyarakat menyebabkan kehidupan dia dan rakannya lebih sukar.

(END)

Headline: Sindiket 'Black Money' kembali
Publication: HM
Date of publication: Jun 13, 2008
Section heading: Main Section
Page number: 24
Byline / Author: Oleh Hadzlihady Hassan

KUALA LUMPUR: Menggunakan wanita tempatan untuk meyakinkan mangsa, sindiket 'Black Money' didalangi warga Afrika dikesan kembali aktif menipu orang ramai sejak beberapa bulan kebelakangan ini walaupun kegiatan mereka hampir dilumpuhkan polis tahun lalu.

Golongan terbabit dikesan menggunakan wanita tempatan bagi menguatkan keyakinan setiap mangsa kepada sebelum menjalankan penipuan terancang mengaut keuntungan mencecah jutaan ringgit.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Aris Ramli, berkata polis menerima aduan mangsa ditipu sindiket terbabit hampir setiap hari.

"Walaupun banyak aduan diterima, tidak semua mangsa tampil membuat laporan lengkap kepada polis mengenai kejadian itu.

"Sejak Januari sehingga kini, kita menerima 13 laporan mangsa yang terpedaya dengan sindiket itu membabitkan kerugian jutaan ringgit," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Aris berkata, sindiket terbabit dipercayai bergerak dalam kumpulan dan selalunya mencari mangsa melalui ruangan sembang di Internet atau berjumpa mangsa secara terus.

Katanya, sindiket itu menggunakan pelbagai taktik untuk memperdaya mangsa termasuk mendakwa menjual vaksin binatang dan meminta mangsa melabur untuk membawa wang dan harta dari luar negara masuk ke Malaysia.

Katanya, pihaknya turut mengesan sindiket itu menggunakan wanita tempatan bagi meyakinkan mangsa.

Dalam kes terbaru semalam, polis menahan seorang lelaki Afrika berusia 30-an kerana menipu seorang ahli perniagaan tempatan berusia 50-an membabitkan kerugian RM160,000.

"Suspek menawarkan harta peninggalan perang bernilai tinggi dan mangsa diminta membayar sejumlah wang kepadanya untuk menguruskan proses membawa masuk wang terbabit ke Malaysia," katanya.

Aris berkata, polis turut menahan seorang warga Afrika dan seorang wanita tempatan berusia 30-an kelmarin kerana terbabit dalam penipuan dengan mendakwa mereka menjual vaksin binatang.

Katanya, semua kes membabitkan sindiket penipuan Black Money itu disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Sementara itu, polis ingin mengesan seorang lelaki, Shahrul Nizam Azmi berusia 31 tahun dan beralamat terakhir di 35, Jalan Bahagia, 2/2 Segambut di sini, bagi membantu siasatan kes penipuan kad kredit.

Difahamkan, suspek menggunakan taktik menghubungi mangsa yang mempunyai kad kredit sebelum memperdayakan mereka.

"Lelaki itu akan menghubungi mangsa dan meminta mereka menyerahkan kad kredit terbabit kerana mendakwa ianya sudah rosak dan terkena virus," katanya

(END)

Headline: Black Money: Sindiket kini guna taktik mesra mangsa

Publication: HM

Date of publication: Apr 1, 2008

Section heading: Main Section

Page number: 02

KUALA LUMPUR: Selepas menggunakan pelbagai helah licik, sindiket penipuan Black Money muncul kembali bersama taktik baru yang lebih kreatif dengan mengambil pendekatan berlakon jujur sebelum memperdaya wang mangsa.

Terbaru, sindiket dikatakan meminta pertolongan daripada mangsa untuk meminjam wang dalam jumlah kecil dengan alasan dompet hilang.

Difahamkan, suspek kemudian menghubungi mangsa untuk membuat pembayaran semula serta berlakon kononnya berperangai baik termasuk bersikap jujur sebelum memberitahu mangsa mengenai penghantaran bungkusan wang daripada keluarga di Afrika.

Suspek turut merayu mangsa untuk membiayai sejumlah wang dan mengambil bungkusan berkenaan di pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Damansara, dekat sini, sebelum berjanji berkongsi jumlah wang dalam bungkusan berkenaan.

Mangsa yang terpedaya dengan lakonan suspek bertambah yakin selepas mengambil wang berkenaan lalu suspek menunjukkan kaedah mencuci wang sebelum mendapati ia wang mata wang asing dolar Amerika Syarikat yang tulen.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd Aris Ramli, berkata setelah mangsa yang mempercayai semua wang dalam bungkusan berkenaan tulen, sindiket kemudian menawarkan cecair yang digunakan untuk mencuci wang berkenaan.

"Mangsa membayar wang antara RM20,000 sehingga RM200,000 secara berperingkat kerana percayakan semua wang dalam bungkusan itu tulen," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Menurutnya, dari awal tahun sehingga 28 Mac lalu, pihaknya menahan 13 lelaki warga Afrika berumur lingkungan 20 hingga 30 tahun yang dipercayai terbabit dalam sindiket Black Money.

"Dalam tangkapan terbaru pada Jumaat lalu, tiga lelaki ditahan di sebuah hotel di Cheras ketika membuat urus niaga berkenaan.

"Siasatan awal mendapati semua lelaki Afrika itu ditahan tidak mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan mereka yang dalam tahanan, disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Menurutnya, orang ramai yang didatangi sindiket terbabit diminta menghubungi Asisten Superintendan Muhamad Tarmizi Awang di talian 03-21460640 dan 017-2465232 atau Asisten Superintendan Abdul Jabbar Abu Hanifah di talian 03-21460642 atau 012-3636946.

(END)

Headline: Koloni Afrika

Publication: HM

Date of publication: Mar 21, 2008

Section heading: Main Section

Page number: 02

Byline / Author: Oleh Erywan Norshal

PETALING JAYA: Peningkatan bilangan warga Afrika di Damansara Damai, dekat sini, membuatkan penduduk tempatan rimas, sekali gus menimbulkan kebimbangan kemungkinan ada antara mereka terbabit dengan kegiatan jenayah.

Penduduk mula meragui kehadiran mereka apabila akhbar melaporkan golongan itu banyak terbabit dengan kegiatan jenayah termasuk penyeludupan dadah dan sindiket `black money`.

Kehadiran warga Afrika itu menjadi tanda tanya sama ada mereka masuk ke Malaysia untuk belajar atau bekerja.

Tinjauan Harian Metro di kawasan itu semalam mendapati golongan terbabit `bersepah` di setiap ceruk kawasan itu menyebabkan warga tempatan mendakwa menjadi penduduk minoriti serta terpaksa berdiam diri bagi mengelak kejadian tidak diingini berlaku.

Penduduk turut mendakwa segelintir warga Afrika mengambil kesempatan memikat wanita tempatan untuk dijadikan kekasih sebelum mengikis duit mereka.

Kerani syarikat swasta, Normala Shapiee, 26, mendakwa rakannya hampir menjadi mangsa seorang lelaki warga Afrika pada tahun lepas.

"Walaupun rakan saya sudah berkahwin, lelaki itu tetap berdegil untuk memikatnya dengan menelefon dan menghantar SMS.

"Malah, lelaki itu menghantar SMS kurang sopan apabila pelawaannya ditolak.

"Selepas beberapa bulan, kawan saya terpaksa berhenti kerja dan pulang ke kampung di Pantai Timur kerana bimbang keselamatannya apabila kerap diganggu lelaki terbabit," katanya

ketika ditemui di sini, semalam.

Normala yang menetap di kawasan itu sejak 2005 berkata, bilangan mereka makin bertambah sejak awal tahun ini apabila hampir 100 warga Afrika menyewa di kawasan itu.

Mereka menganggap kawasan ini 'selesa' kerana penduduk tempatan berdiam diri, walaupun kami tidak suka kehadiran mereka," katanya.

Peniaga, Zainal Mohamad, 50, mendakwa golongan terbabit menggunakan 'tiket' pas pelajar untuk bekerja di negara ini.

"Saya difahamkan mereka adalah pelajar kolej swasta. Tetapi sekiranya mereka pelajar, takkan tiap-tiap hari melepak di kawasan ini dari pagi hingga ke petang.

"Pada waktu malam pula, mereka berpakaian seperti gaya korporat dan berkepit dengan teman wanita masing-masing," katanya.

(END)

Headline: `Cuci duit' dalam masjid

Publication: HM

Date of publication: May 15, 2007

Section heading: Main Section

Page number: 02

KUALA LUMPUR: Selepas menggunakan pelbagai taktik termasuk tawaran harta pusaka melalui Internet, sindiket penipuan 'Black Money' muncul kembali dengan menjadikan kawasan masjid di sekitar Lembah Klang sebagai 'lubuk' untuk menjerat mangsa membeli wang palsu yang didakwa milik Agensi Perisikan Pusat (CIA) Amerika Syarikat.

Dalam kes terbaru, dua lelaki Afrika menyamar kononnya mempunyai kaitan dengan CIA untuk memperdaya seorang pembantu perubatan kanan rakyat tempatan dengan menawarkan wang kertas AS\$1.6 juta (RM5.9 juta).

Mangsa bagaimanapun diminta terlebih dulu menyediakan wang tunai RM27,400 sekiranya mahukan not wang kertas AS\$10 dan AS\$20 yang disi dalam tiga beg pakaian.

Bagi meyakinkan mangsa, suspek didakwa melakukan demonstrasi mencuci kepingan wang Black Money dalam sebuah masjid di Lembah Keramat dengan mendakwa ia lebih bermanfaat.

Sumber Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman berkata, dalam kes terbaru itu, pembantu perubatan kanan terbabit membantu polis dalam usaha menumpaskan sindiket Black Money terbabit.

Menurutnya, dalam kejadian minggu lalu, pembantu perubatan berusia 49 tahun itu sedang mengisi minyak di sebuah stesen minyak di Lembah Keramat sebelum dihampiri dua lelaki yang mendakwa berasal dari Angola, Afrika.

Menurutnya, sehari selepas pertemuan itu, lelaki Afrika terbabit menghubungi pembantu perubatan berkenaan dengan berpura-pura meminta dicarikan rumah sewa selain membantu menguruskan pasport antarabangsa dari pihak imigresen sebelum menunjukkan demonstrasi menukar Black Money.

"Lelaki tempatan itu berjanji bertemu suspek di sebuah kedai makan di Taman Permata, Hulu Klang. Suspek kemudian memberitahu mahu mengambil tiga beg pakaian di Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang didakwa mengandungi wang tunai AS\$1.6 juta di dalamnya.

"Mereka memberi alasan perlu mendapatkan pasport secepat mungkin berikutan masuk ke Malaysia secara haram," katanya.

Difahamkan, pembantu kesihatan itu kemudian dibawa ke sebuah masjid di Lembah Keramat dengan alasan untuk membuat demonstrasi menukar Black Money kepada matawang dollar Amerika.

"Pembantu kesihatan terbabit yang menyedari ia satu penipuan kemudian segera melaporkan kepada polis Bukit Aman sebelum merancang untuk memerangkap suspek," katanya.

Kedua-dua lelaki Afrika itu ditahan ketika cuba menjual Black Money AS\$1.6 juta kepada pembantu perubatan itu sekiranya mereka dibayar RM27,400.

Polis kemudian menemui satu beg berisi helaian kertas kosong berwarna hitam dipercayai Black Money.

(END)

Headline: 6 beg wang palsu
Publication: HM
Date of publication: May 24, 2007
Section heading: Main Section
Page number: 08
Byline / Author: Oleh Mohd Nur Asnawi Daud

KUALA LUMPUR: Hanya kerana ingin menikmati kemewahan secara mudah, beberapa wanita tempatan dan asing sanggup bersekedudukan dengan lelaki warga Afrika, selain bersekolong melakukan pelbagai kegiatan penipuan.

Wanita terbabit dikatakan berperanan sebagai orang tengah kepada Mat Afrika terbabit untuk memerangkap mangsa dengan pelbagai helah penipuan seperti wang palsu, penjualan vaksin haiwan, wasiat harta pusaka di luar negara dan hadiah loteri.

Biasanya, wanita terbabit menjadi orang perantaraan sindiket berkenaan untuk mencari mangsa menerusi tawaran penjualan ubat suntikan kepada doktor haiwan atau ahli perniagaan yang berniat menjual semula ubat berkenaan.

Selepas berjaya meyakinkan mangsa, sindiket itu akan menghubungi mereka menggunakan talian telefon luar negara, sedangkan mereka berada di negara ini bagi melakukan urusan niaga.

Kegiatan sindiket terbabit bagaimanapun terbongkar selepas sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman dengan kerjasama Jabatan Imigresen, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) melakukan operasi di sekitar Lembah Klang, Isnin lalu.

Dalam serbuan itu, polis merampas enam beg berisi berpuluh-puluh bungkusan kertas kosong bersaiz matawang Dolar Amerika serta Euro dan setiap bungkusan mengandungi beberapa keping wang palsu selain sebuah kereta Volvo dipercayai digunakan sindiket.

Difahamkan, sindiket terbabit sengaja meletakkan wang palsu pada ikatan kertas itu bagi mengaburi mangsa kerana mereka hanya dibenarkan melihat sepintas lalu duit yang diletakkan dalam beg sebelum diserahkan dan anggota sindiket akan segera melarikan diri dengan alasan bagi mengelakkan kegiatan mereka dikesan pihak berkuasa.

Pengarah JSJK Bukit Aman, Datuk Ramli Yusuff, berkata dalam operasi besar-besaran itu, pihaknya berjaya memberkas 34 suspek yang dipercayai terbabit dalam pelbagai kes penipuan di sekitar Lembah Klang.

"Polis merampas enam beg besar berisi wang kertas palsu pelbagai matawang asing, vaksin jenis Thermacyin XP 1000 (kira-kira 200 botol) serta pelbagai peralatan dipercayai untuk memproses 'Black Money'.

"Daripada semua 34 yang ditahan, 27 lelaki Afrika, dua wanita Afrika, dua wanita Indonesia dan masing-masing seorang wanita tempatan serta Filipina dan seorang lelaki tempatan," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Ramli berkata, mereka yang berusia 20 hingga 30 tahun ditahan untuk siasatan berhubung kes pengedaran wang palsu, pemilikan vaksin haram, kesalahan undang-undang syariah dan imigresen.

Menurutnya, operasi bersepadu 'Ops Tiong' itu dilakukan serentak di 38 lokasi disyaki menjadi tempat penginapan dan kawasan operasi sindiket itu, membabitkan hampir 400 pegawai serta anggota penguat kuasa.

"Sindiket terbabit bukan saja menjadikan warga tempatan sebagai mangsa, tetapi turut menipu warga asing di sini dan tindakan mereka sekali gus mencemar nama baik Malaysia di kalangan pelancong yang akhirnya boleh menjejaskan industri pelancongan negara.

"Mereka juga dikesan menggunakan modus operandi mencari mangsa melalui Internet termasuk mendapatkan pelabur untuk mengurus wasiat harta pusaka sebelum diminta membayar wang pendahuluan," katanya

Ramli berkata, polis menerima maklumat daripada orang ramai yang mendakwa warga Afrika terbabit sering bertindak agresif, tidak sopan dan mengamalkan pergaulan bebas dengan wanita tempatan.

Katanya, dalam serbuan di sebuah apartmen di Cheras, polis merampas wang tunai RM15,000 yang dipercayai hasil penipuan.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati kebanyakan warga asing itu menyalahgunakan surat yang dikeluarkan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Orang Pelarian (UNHCR) dan ada yang berselindung di sebalik pas pelajar. Ada di kalangan mereka juga langsung tidak mempunyai dokumen perjalanan.

"Polis akan semak dengan imigresen dan kolej tempat mereka belajar sama ada betul mereka pelajar di situ atau hanya menggunakan pas itu untuk tinggal lebih lama di sini," katanya.

Beliau berkata, polis akan meneruskan operasi dari semasa ke semasa dan meminta mereka yang mempunyai maklumat tampil membantu siasatan.

(END)

Headline: Geng `black money' kembali
Publication: HM
Date of publication: Nov 23, 2007
Section heading: Main Section
Page number: 25

KUALA LUMPUR: Selepas pelbagai taktik licik dipatahkan pihak polis, sindiket 'black money' kini kembali lagi dengan pelbagai cara untuk memperdayakan mangsa.

Terbaru, sindiket dikatakan akan menghubungi mangsa dengan mendakwa memerlukan pertolongan untuk mengambil wang dalam simpanan di stor pejabat kedutaan dan memerlukan wang untuk tujuan itu.

Biasanya, mereka akan meminta mangsa 'meminjamkan' sejumlah wang dan berjanji akan membayar balik berlipat kali ganda.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Zulhasnan Najib Baharuddin, berkata selepas berjaya mendapatkan wang daripada mangsa, suspek akan terus menghilangkan diri.

"Biasanya sindiket akan mensasarkan mereka daripada kalangan yang 'berduit' untuk melakukan penipuan berkenaan.

"Sindiket mencari mangsa melalui ruang sembang internet, telefon secara rambang dan perjumpaan di tempat awam," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, sepanjang tahun ini, polis menerima 13 laporan mengenai penipuan oleh sindiket black money membabitkan kerugian kira-kira RM2 juta.

Menurutnya, selain taktik itu, sindiket turut menghampiri mangsa dengan mendakwa mampu menggandakan wang membabitkan mata wang asing.

"Sindiket akan menunjukkan mangsa satu beg mengandungi kertas putih dan memberitahu mampu menghasilkan wang.

"Biasanya, sindiket akan menunjukkan kaedah mencuci wang. Mereka mengambil beberapa keping wang tulen dan bepura-pura mencuci di depan mangsa.

"Mangsa yang dilihat mula terpedaya diminta membayar sejumlah wang untuk membeli bahan kimia bagi menghasilkan wang itu," katanya.

(END)

Headline: E-mel tipu tawar ganjaran RM2 juta
Publication: HM
Date of publication: Jan 26, 2006
Section heading: Main Section
Page number: 06

KUALA LUMPUR: Tindakan seorang lelaki tempatan yang menawarkan wang tunai RM2 juta melalui laman web kepada 20 orang pertama yang paling pantas menghubunginya menyebabkan ramai pelayar web berebut ingin menjadi jutawan segera.

Lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Abdullah itu mendakwa akan berkongsi wang terbabit kepada individu yang sanggup melaburkan wang RM500 seorang.

Melalui tawaran itu, setiap individu bertuah dijanjikan hampir RM100,000.

Tawaran hebat itu yang disebar melalui e-mel sejak seminggu lalu oleh individu yang hanya menyertakan nombor telefon bimbit menimbulkan keraguan sama ada tawaran itu benar-benar wujud atau sebaliknya.

Dalam e-mel dihantar lelaki berkenaan, dia mendakwa memenangi cabutan bertuah dari United Kingdom yang menawarkan hadiah RM2 juta.

Menurutnya, segala urusan pemindahan itu sudah diluluskan dan ia dalam proses untuk dibawa ke negara ini.

Bagaimanapun, proses penyerahan wang itu terhalang berikutan disekat sebuah unit anti keganasan.

Untuk membolehkan wang ini dipindahkan ke akaunnya, lelaki itu memberitahu, unit anti keganasan memerlukan sijil pemindahan dan pemutihan anti keganasan.

Proses mendapatkan sijil pemindahan itu memerlukan kos RM12,395.

Lelaki itu mendakwa sudah berbincang dengan pihak pengurusan bank di United Kingdom dan hasilnya, pihak bank bersetuju untuk mengenakan bayaran hanya RM10,000 untuk mendapatkan kedua sijil terbabit.

Menurutnya, oleh kerana tempoh masa yang diberikan terlalu singkat, dia perlu menyediakan wang diminta itu segera.

Berikutan itu, dia menjemput pembaca e-mel untuk berkongsi 'modal' bagi mendapatkan wang RM2 juta itu.

Lelaki terbabit mendakwa hanya akan memilih 20 orang yang pertama dengan membayar RM500 seorang.

Sementara itu, jurucakap polis Bahagian Jenayah Perdagangan Bukit Aman menganggap tawaran itu sebagai sebahagian daripada taktik sindiket 'black money' yang cuba

mengeksploitasi kemudahan e-mel untuk mencari mangsa di negara ini.

Menurutnya, ramai pengguna internet menerima pelbagai tawaran palsu, termasuk untuk mewarisi harta daripada individu yang mendakwa pewaris takhta atau anak menteri di Afrika.

(END)

Headline: Rangkaian Minah Hitam

Publication: HM

Date of publication: May 27, 2006

Section heading: Main Section

Page number: 04

Byline / Author: Oleh Nazarali Saeril

KUALA LUMPUR: `Minah Hitam' warga Cameroon yang menyediakan akaun bank untuk kegunaan geng Black Money dipercayai mempunyai beberapa tali barut lain untuk memastikan proses keluar masuk wang milik sindiket terbabit berjalan lancar.

Minah Hitam itu dipercayai mempunyai beberapa lagi rakan senegara yang menjadi penyedia akaun bank bagi memastikan mereka dapat mengaut keuntungan lumayan melalui komisen diberi setiap kali geng Black Money berjaya menipu mangsa.

Ketua Polis Daerah Dang Wang, Asisten Komisioner Kamal Pasha Jamal, berkata wanita terbabit dipercayai tidak bergerak berseorangan kerana bimbang kegiatan mereka dihidu pihak berkuasa.

"Kemungkinan dia mempunyai tali barut lain sebagai penyedia akaun untuk geng Black Money.

"Ini kerana, jumlah penipuan dilakukan geng itu membabitkan jumlah besar sehingga mencecah puluhan ribu atau ratusan ribu ringgit. Oleh itu, mereka perlukan rangkaian penyedia akaun bank yang mantap untuk `membersihkan' wang haram terbabit," katanya di sini, semalam.

Menurut Kamal Pasha, polis percaya, geng Black Money sudah bergerak di negara ini sejak beberapa ketika lalu, sekali gus membolehkan mereka mengumpul sejumlah besar wang tunai hasil penipuan terhadap mangsa.

Menyedari kesukaran membuka akaun bank sendiri sedangkan mereka sentiasa memerlukan wang untuk dijadikan umpan, geng terbabit menjadikan wanita itu sebagai penyedia akaun dengan memberi komisen tinggi.

"Polis masih menjalankan siasatan. Buat masa sekarang, tiada tangkapan dibuat tetapi kami yakin, ia akan dapat dilakukan dalam masa terdekat.

"Kita juga sedang memburu anggota geng Black Money yang masih aktif. Kami yakin mereka dapat `dicekup' segera untuk memastikan tiada lagi pihak menjadi mangsa," katanya.

Menurutnya, berdasarkan hasil siasatan dan risikan polis, Minah Hitam dan anggota Black

Money saling mengenali sejak bertahun lalu.

Bagaimanapun, tidak dapat dipastikan sama ada mereka memasuki negara ini bersama sebelum berpecah untuk menjalankan tugas dan peranan berlainan.

Harian Metro semalam mendedahkan Minah Hitam warga Cameroon yang melanjutkan pelajaran di sebuah universiti ternama tempatan menerima komisen lebih RM100,000 sejak dua tahun lalu dengan meminjamkan akaun bank kepada geng Black Money.

(END)

Headline: Empat sumpahan abadi

Publication: HM

Date of publication: Jun 1, 2006

Section heading: Main Section

Page number: 10

Byline / Author: Oleh C Ramasamy

SUMPAH Mahsuri ke atas Pulau Langkawi selama tujuh generasi dikatakan berakhir apabila mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad membawa pembangunan ke pulau legenda itu.

Tetapi terdapat beberapa `sumpah' ke atas rakyat Malaysia yang tidak diketahui bila akan berakhir.

Saban tahun, `sumpah' ini - secara tepat empat bilangannya - menuntut korban nyawa dan harta benda yang bukan sedikit bilangannya. Baca.

NAHAS JALAN RAYA: Yang mana satu lebih berbahaya: Menjadi seorang soldadu Amerika Syarikat di Iraq atau menunggang/membonceng motosikal di Selangor?

Jika berdasarkan perangkaan kemalangan jalan raya di negara ini, risiko seorang penunggang/pembonceng motosikal di negeri paling maju itu menemui maut adalah lebih besar berbanding kemungkinan seorang tentera Amerika terbunuh di Iraq. Mengejutkan? Sepatutnya tidak.

Tahun lalu seramai 6,188 rakyat Malaysia mati dalam 328,268 kemalangan jalan raya di seluruh negara - secara purata 16 orang dalam 24 jam atau 515 orang dalam tempoh sebulan - sekaligus menjadikan Malaysia antara negara paling berbahaya di dunia untuk berkenderaan.

Lima puluh tujuh peratus daripada mereka yang maut itu adalah penunggang/pembonceng motosikal dengan Selangor mencatatkan jumlah kematian paling tinggi. Ini bermakna jika rakyat Malaysia memilih untuk menjadi askar Amerika yang berkhidmat di Iraq, kebarangkalian mereka mati akibat ditembak adalah jauh lebih rendah berbanding ketika berada di jalan raya di negara ini yang diakui antara yang terbaik di rantau Asia.

Untuk rekod, bilangan kematian askar Amerika di Iraq sepanjang tiga tahun lalu bermula dari tarikh penaklukan pada Mac 2003 hanyalah 2,400 atau 63 orang setiap bulan.

Berapakah kerugian yang ditanggung negara akibat bencana ini? RM7.4 bilion dalam bentuk kehilangan sumber manusia, tuntutan insurans dan kemusnahan lain.

Apa yang menyedihkan sebahagian besar daripada kemalangan itu boleh dihindari kerana majoritinya dikenal pasti berpunca daripada kecuaiannya manusia semata-mata.

BLACK MONEY: Bolehkah kertas biasa berwarna hitam bertukar menjadi dolar Amerika? Boleh, demikian percaya sebilangan rakyat Malaysia. Dan orang yang meyakini 'keajaiban' itu bukan calang-calang orang, sebaliknya peguam, pensyarah, ahli perniagaan dan juga pegawai polis. Mungkin pelik, tetapi itulah realitinya.

Kesudahannya, mereka bukan saja diperbodohkan rakyat dari benua Afrika yang mendalangi taktik Black Money itu, tetapi duit ribuan ringgit turut lesap.

Bagaimana golongan terpelajar berkenaan boleh percaya rakyat dari benua Afrika itu yang datang ke Malaysia untuk sebab yang tidak diketahui, mahu memperkayakan orang lain?

Jelas, ini satu fenomena yang sukar untuk dimengertikan. Apa yang lebih mengharukan, penipuan Black Money ini sudah 'berkampung' di Malaysia sejak lebih sedekad lalu dan sehingga hari ini masih ada yang terus jadi mangsa.

Terbaru, pada 3 Mei lalu, seorang pegawai bank dari Kuala Lumpur kerugian besar apabila menyerahkan wang simpanannya berjumlah RM100,000 setelah percaya seorang lelaki Afrika mampu menggandakan wang berkenaan menjadi RM200,000!

Jumlah sebenar mangsa sindiket Black Money tidak diketahui, tetapi sepanjang tahun lalu dilaporkan sekurang-kurangnya 40 rakyat Malaysia terkena termasuk dua mangsa yang kehilangan kira-kira RM3.2 juta dalam satu kes pada Mei.

Dalam pada itu, sebilangan rakyat negara ini pula sudah membuktikan kebolehan mereka dengan memahirkan diri dengan taktik Black Money.

Pada 9 Mei tahun lalu, seorang jurujual kereta berusia 39 tahun didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur atas pertuduhan cuba membuat mata wang Amerika palsu sekali gus menjadi rakyat Malaysia pertama mengamal Black Money.

Satu soalan yang perlu difikirkan ialah: Apakah yang membuatkan rakyat Afrika terbabit membuat rumusan rakyat Malaysia lebih mudah diperbodohkan berbanding rakyat negara lain?

GORES DAN MENANG: Dalam dunia hari ini, siapa yang sanggup memberikan sesuatu secara percuma? Tiada siapa. Setiap sesuatu yang diberi atau dihadaiahkan ada harganya seandai muslihatnya bijak dibaca.

Jadi, apabila seseorang yang tidak dikenali mendatangi anda dan memberitahu, anda memenangi sebuah kereta bernilai RM60,000 sedangkan anda tidak pernah menyertai apa-apa peraduan, apakah yang harus anda lakukan? Sangsi? Kemudian orang itu menambah lagi, anda sebenarnya harus membeli sejumlah barang untuk melayakkan diri memenangi hadiah kereta itu? Bagaimana seharusnya anda bertindak balas? Bertambah curiga? Tidak. Itu tidak berlaku, sebaliknya ramai rakyat Malaysia percaya jurujual bertali leher yang bergerak dari

rumah ke rumah sebenarnya boleh menghadiahkan mereka sebuah kereta!

Tahun lalu seramai 1,571 rakyat Malaysia tertipu akibat termakan pujukan manis jurujual licik terbabit yang bertanggungjawab menggerakkan skim penipuan yang barangkali paling sukar ditangani di Malaysia - gores dan menang.

Statistik Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTPM) menunjukkan setiap hari empat orang dan setiap bulan 130 orang menjadi mangsa skim berkenaan di seluruh Malaysia. Setakat 14 Mei tahun ini pula seramai 175 orang tertipu.

Sebahagian besar mangsa adalah rakyat kebanyakan terutama suri rumah di luar bandar, tetapi itu tidak bermakna `orang besar' terlepas.

Seorang senator baru-baru ini, mengakui dia sekeluarga menjadi mangsa skim itu apabila diperdaya membeli alat pengurut kaki dan set televisyen pada harga RM2,500 sedangkan nilai sebenar barangan itu adalah RM1,500.

Penipuan gores dan menang ini begitu serius sehingga memaksa kerajaan memperkenalkan undang-undang khas dan bermula bulan ini pemerintah akan melancarkan kempen besar-besaran untuk mendidik orang ramai.

BOMOH: Bagaimana anda memberi justifikasi kepada kes ini yang didedahkan pada 2 Mei lalu: Seorang lelaki pelayan kedai kopi yang mendakwa dirinya Jiu Huang Ye membuatkan seorang suri rumah percaya dia dirasuk semangat jahat dan satu-satunya cara untuk `menghalaunya' ialah dengan tidur bersamanya.

Wanita berusia 41 tahun itu pun mempercayai kata-kata lelaki berkenaan. Dalam tempoh enam bulan lalu, lelaki berkenaan melakukan hubungan seks sebanyak 51 kali dengan wanita itu pula perlu membayar antara RM20 hingga RM50 bagi setiap sesi!

Memulih semangat dengan menjalin hubungan kelamin? Tak masuk akal tetapi masih ada rakyat Malaysia begitu naif mempercayainya.

Pada 15 Mei lalu, seorang remaja berusia 19 tahun yang menyamar sebagai sami didakwa di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas lima pertuduhan menipu lima individu.

Tuduhan kedua yang dikenakan terhadap remaja itu agak menarik kerana dia didakwa memperdaya seorang setiausaha wanita berusia 32 tahun dengan mengatakan bahawa dia mempunyai kuasa untuk memastikan suami dan anaknya dijauhi kematian!

Lima belas Februari lalu, seorang bomoh dikenali sebagai Ustaz Zul didakwa di Mahkamah Sesyen Muar atas pertuduhan merogol seorang gadis berusia 22 tahun.

Bagaimana ia berlaku? Ibu pelajar universiti itu mahu lelaki berkenaan yang dicari polis membantu anaknya supaya terang hati dalam menghadapi pelajarannya.

Bagaimana ibu itu boleh meninggalkan anak daranya sebagaimana diminta dengan seorang lelaki yang langsung tidak dikenalnya? Sukar dijelaskan.

Hari ini khidmat bomoh sudah menjadi satu `industri' besar dan ia akan terus tumbuh segar selagi rakyat Malaysia mempunyai kecenderungan untuk mencari jalan penyelesaian mudah kepada setiap permasalahan hidup mereka; daripada `menikam empat nombor ekor' sehingga menjatuhkan lawan dalam politik.

(END)

Headline: Black Jack sasar pelancong
Publication: HM
Date of publication: Aug 24, 2006
Section heading: Main Section
Page number: 02
Byline / Author: Oleh Mohd Nur Asnawi Daud

KUALA LUMPUR: Satu sindiket penipuan licik `Black Jack' didalangi warga asing dikesan aktif melakukan jenayah dengan menjadikan pelancong asing sebagai sasaran utama.

Sindiket didalangi beberapa individu penipu itu bergerak secara berkumpulan dan menjadikan Pasar Seni, Jalan Petaling dan kawasan sekitar KLCC sebagai lokasi mencari mangsa.

Biasanya, ahli sindiket terbabit mendekati mangsa dengan penuh mesra sebelum diperdaya dan diajar memenangi permainan terup `Black Jack' selepas dibawa ke rumah.

Selepas semua ilmu perjudian itu `diperturunkan', mangsa diminta membuat pertaruhan sehinggalah terleka kerana terlalu asyik dan tidak menyedari kehabisan wang dan berhutang dengan sindiket berkenaan.

Superintendan Siasatan I, Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Kuala Lumpur, Superintendan Mohd Shariff Abdul Wahid berkata selepas kehabisan wang tunai, biasanya mangsa dibawa ke mesin juruwang automatik (ATM) untuk mengeluarkan wang atau membuat pembelian barang kemas melalui kad kredit.

"Sindiket penipuan Black Jack itu antara kegiatan penipuan didalangi warga asing selain Black Money yang pernah ditumpaskan polis sebelum ini.

"Sebanyak 34 kes penipuan Black Jack dan 40 penipuan Black Money membabitkan kerugian kira-kira RM3 juta diselesaikan sepanjang tempoh 2005 hingga Julai tahun ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, kedua-dua sindiket terbabit dikesan bergiat aktif sejak tempoh dua tahun lalu dengan menjadikan ahli perniagaan dan orang kenamaan (VIP) sebagai mangsa.

Katanya, sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, polis akan memberikan tumpuan khusus kepada kegiatan Black Jack memandangkan sasaran utama mereka adalah pelancong asing.

"Sehingga kini sindiket terbabit yang dianggotai sekumpulan warga asing itu dikesan terbabit dengan 34 kes termasuk empat kes sepanjang tahun ini saja, dengan jumlah kerugian hampir setengah juta ringgit.

"Walaupun jumlah kerugian dicatatkan lebih kecil berbanding kes Black Money, berdasarkan modus operandi yang digunakan, pihak polis bimbang mereka akan mengambil kesempatan terhadap kehadiran kira-kira 2.1 juta pelancong asing ke negara ini tahun depan untuk melakukan kegiatan itu," katanya.

Mohd Shariff berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Unit Polis Pelancong dan unit lain sepanjang tempoh Tahun Melawat Malaysia 2007 bagi memastikan pemantauan menyeluruh di beberapa lokasi yang dikenal pasti tumpuan sindiket.

(END)

Headline: Mengawal kebanjiran pendatang asing

Publication: HM

Date of publication: Aug 17, 2006

Section heading: Main Section

Page number: 12

Byline / Author: Oleh Yusri Abdul Malek

KEBANJIRAN pekerja asing yang kini dianggarkan berjumlah lebih 1.8 juta sehingga Mac lalu membuktikan negara kita makmur dari segi ekonomi sehingga menjadi tumpuan pencari rezeki.

Bagaimanapun, jumlah itu adalah yang memasuki negara ini secara sah dan memiliki permit tetapi dianggarkan mereka yang masuk secara haram, terutama dari Indonesia mencecah lebih sejuta orang.

Perangkaan ini belum termasuk lebih 50,000 warga China, terutama wanita mudanya yang datang melancong ke negara ini menggunakan pas lawatan sosial tetapi menyalahgunakannya untuk bekerja secara haram sebagai pelayan pelanggan (GRO) mahupun pelacur.

Jumlah pekerja asing ini akan bertambah lagi mulai 1 Ogos lalu apabila pembekuan pengambilan pekerja Bangladesh sejak 1998 kerana pelbagai masalah sosial yang ditimbulkan dibenarkan diambil semula dengan syarat mengikuti kursus induksi dan berdaftar dengan agensi pekerjaan yang dilantik dan diiktiraf kedua-dua negara.

Pastinya, masalah yang berlaku dulu mungkin boleh berulang kembali. Walaupun kerajaan bertegas melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengadakan operasi berterusan sejak beberapa tahun lalu tetapi jumlah pendatang asing masih tidak menunjukkan pengurangan sebaliknya jumlahnya semakin meningkat.

Berdasarkan statistik, masih terdapat 800,000 pendatang asing tanpa izin yang masih bebas di negara ini.

Mereka ini boleh dilihat di mana-mana di negara kita dari Perlis hinggalah ke Sabah dan bekerja dalam pelbagai sektor bagi memenuhi keperluan tenaga buruh negara dalam sektor pertanian, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan.

Kenaikan harga komoditi sejak kebelakangan ini seperti getah menyebabkan mereka bertumpu pula ke ladang getah untuk bekerja sebagai penoreh dan ia secara tidak langsung mewujudkan

satu lagi koloni baru di kawasan luar bandar atau kampung di negara ini.

Apabila mereka ini ramai, timbul pelbagai masalah sosial dan jenayah. Boleh dikatakan hampir setiap hari ada saja berita jenayah dimuatkan membabitkan warga asing sama ada pembunuhan, rogol, rompak, pergaduhan, samun, penyeludupan dan sebagainya.

Mereka seolah-olah berasakan negara ini tempat mereka sendiri dengan bebas melakukan apa yang mereka suka tanpa mempedulikan undang-undang sedia ada.

Malah yang paling menyedihkan, mereka ini secara 'halus' mula mengambil alih perniagaan yang dulunya diceburi orang kita.

Sebagai contoh di Pasar Borong Selayang, peniaga tempatan mula tersisih dengan kehadiran ramai peniaga Myanmar, begitu juga di Chow Kit, kini dikuasai peniaga Indonesia. Pastinya suatu hari nanti kita terpaksa membeli barangan keperluan asas daripada mereka.

Ini belum lagi membabitkan pemalsuan MyKad yang hangat diperkatakan apabila ada pendatang yang memiliki kad itu daripada sindiket.

Mengikut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, bilangan pekerja asing sehingga Mac lalu ialah 1,850,063 dengan warga Indonesia mencatat jumlah paling ramai.

Beliau berkata, jumlah pekerja Indonesia yang mempunyai Pas Lawatan (Kerja Sementara) dalam negara ialah 1,215,036 orang diikuti warga Nepal 200,220 dan India 139,716.

Pekerja asing lain ialah Myanmar (92,020), Vietnam (85,835), Bangladesh (58,878), Filipina (22,080), Pakistan (15,021), Thailand (7,282), Sri Lanka (5,076), Kemboja (6,637) dan lain-lain (2,262).

Jumlah itu belum lagi termasuk warga Afrika yang banyak berkeliaran di sekitar ibu kota dan dipercayai mereka ini banyak terbabit menjual jam tiruan dan black money untuk mencari pendapatan.

Dalam pada itu, ada juga majikan warga tempatan yang dilabel sebagai pengkhianat atau pembelot kerana mengupah atau menggaji pendatang asing terbabit semata-mata ingin menjimatkan kos dan untung berlebihan.

Setakat Mac tahun ini, seramai 63 majikan dikenakan denda dengan jumlah keseluruhan RM1.05 juta.

Jumlah itu adalah daripada 186 majikan, pelindung dan penghuni yang didakwa di mahkamah sejak 1 Ogos 2002, iaitu selepas pindaan Akta Imigresen 1959/63 berkuat kuasa, manakala 85 kes lagi masih dalam perbicaraan.

Tindakan majikan terbabit yang berpaksikan keuntungan boleh mengundang padah kepada survival komposisi bangsa Malaysia pada masa akan datang.

Kini sudah tiba masanya kerajaan mengambil tindakan lebih sistematik dalam menangani

kebanjiran pekerja atau pendatang asing tanpa izin ini.

Jangan kita membiarkan rakyat menghadapi dilema dan kesukaran menempuh kehidupan yang tidak selesa di tanah air sendiri.

Tindakan membuka pintu seluas-luasnya kepada pendatang asing yang tidak memahami bahasa, budaya dan agama wajar dihadkan.

Usaha menanganinya perlu konsisten dan kerjasama semua agensi penguatkuasaan sangat diperlukan.

Diharap masalah kebanjiran pekerja dan pendatang asing tanpa izin ini tidak menjadi masalah utama pada masa depan ketika negara menjadi negara maju pada 2020.

(END)

Headline: Kertas proses wang palsu ada di pasaran

Publication: HM

Date of publication: Jan 12, 2005

Page number: 02

KUALA LUMPUR: Polis percaya bahan kimia dan kertas khas untuk proses membuat wang palsu oleh warga Afrika Selatan yang menganggotai sindiket 'Black Money' boleh diperolehi di pasaran.

Bahan kimia dan kertas khas itu dipercayai dibeli dengan harga murah sebelum kertas itu dipotong kepada kepingan menyamai not RM50 dan RM100.

Sumber polis berkata, bahan kimia dan kertas khas berkenaan diperlukan dalam jumlah besar untuk digunakan dalam proses utama penukaran not wang palsu.

"Polis tidak menolak kemungkinan bahan kimia dan kertas khas itu boleh diperolehi di pasaran dan menghantar sampelnya ke bahagian kimia untuk siasatan.

"Selepas memperolehi bukti lengkap hasil siasatan itu, polis akan menyerahkan laporan kepada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor untuk tindakan lanjut," katanya, di sini, semalam.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Gombak, Deputy Superintendan Wan Zainuddin Wan Mahmud, berkata pihaknya sedang memburu saki baki sindiket itu selepas mereka memperdaya seorang ahli perniagaan kereta terpakai bernilai hampir RM500,000, 4 Januari lalu, masih berjalan.

Beliau berkata, setakat ini, lapan ahli mereka ditahan Sabtu lalu selepas menerima aduan daripada mangsa.

"Jika perlu tempoh tahanan reman mereka akan dilanjutkan," katanya, ketika dihubungi, semalam.

Wan Zainuddin berkata, wang yang diminta daripada mangsa belum diperolehi lagi meskipun lapan ahli sindiket berkenaan sudah ditahan.

Dalam kejadian 4 Januari lalu, ahli perniagaan itu yang teringin menjadi jutawan segera kerugian hampir RM500,000 apabila ditipu sindiket berkenaan.

(END)

Headline: RM500,000 LESAP (HL)
Publication: HM
Date of publication: Jan 11, 2005
Page number: 01
Byline / Author: Oleh Mohd Nur Asnawi Daud

GOMBAK: Seorang ahli perniagaan kereta terpakai yang ingin menjadi jutawan segera kerugian hampir RM500,000 apabila ditipu sindiket 'Black Money' didalangi warga Afrika Selatan.

Sindiket itu berjaya memerangkap mangsa dengan menjanjikan pulangan berganda bagi setiap ringgit yang dilaburkan ahli perniagaan berkenaan.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner 11 Abu Bakar Mustafa, berkata pada mulanya, anggota sindiket itu membuat demonstrasi menukar kertas kosong kepada RM100 menggunakan sejenis bahan kimia sebagai taktik untuk menipu mangsa.

"Mangsa yang ghairah mahu menjadi jutawan segera bersetuju melabur selepas dijanjikan pulangan hampir jutaan ringgit," katanya.

Beliau berkata, dalam kejadian 4 Januari lalu, mangsa diperkenalkan kepada anggota sindiket itu oleh tali barut mereka di Selayang Baru.

"Dalam pertemuan pertama itu, mangsa setuju menyerahkan wang tunai RM110,000 kepada anggota sindiket terbabit selepas yakin dengan demonstrasi penukaran wang yang ditunjukkan.

"Bagaimanapun, mereka hanya mampu membuat kira-kira RM7,000 berbanding hampir RM300,000 seperti dijanjikan kerana mendakwa kehabisan bahan kimia untuk menghasilkannya," katanya di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, di sini, semalam.

Mangsa kemudian diminta menyerahkan RM500,000 lagi untuk digandakan menjadi RM1 juta dalam masa singkat apabila bahan kimia yang diperlukan diperolehi.

Namun, dia hanya memberikan RM300,000 yang dikeluarkan dari bank kerana tidak mempunyai wang mencukupi.

Dia turut meminjam RM20,000 daripada saudara-mara untuk dilaburkan.

Menurut Abu Bakar, selepas semua wang itu diserahkan, anggota sindiket meminta mangsa menyediakan RM150,000 lagi untuk membeli bahan kimia tambahan.

Katanya, mangsa juga diarah tidak membuka satu bungkusan yang kononnya berisi wang yang digandakan atas alasan warnanya akan berubah.

"Bungkusan berkenaan tidak boleh dibuka dalam tempoh yang ditetapkan kerana jika berbuat demikian, wang itu tidak menjadi," katanya.

Beliau berkata, apabila tiba masa ditetapkan, mangsa membuka bungkusan dan mendapati wang itu adalah palsu.

"Selepas membuat laporan polis Sabtu lalu, mangsa berusaha mengesan anggota sindiket terbabit bagi mendapatkan kembali wangnya.

"Dia menemui seorang daripada mereka di sebuah kafe di ibu negara pada hari yang sama dan terus memaklukkannya kepada polis," kata Abu Bakar.

Polis menahan lelaki terbabit dan hasil soal siasat, sebuah Kondominium di Ampang diserbu kelmarin dan dua lagi anggota sindiket ditangkap.

Ketika melakukan serbuan itu, polis menemui beberapa peralatan yang dipercayai digunakan untuk melakukan kegiatan itu, termasuk sejumlah wang, bahan kimia, bungkusan kapas dan serbuk.

"Awal pagi semalam, polis menahan lima lagi anggota sindiket, termasuk seorang wanita di sebuah pusat hiburan di Jalan Tun H S Lee.

"Semua yang ditahan itu berusia antara 28 hingga 31 tahun dan mereka memasuki negara ini sebagai pelancong," katanya yang percaya polis berjaya melumpuhkan sindiket itu.

Semua anggota sindiket itu ditahan reman bagi membantu siasatan.

(END)

Headline: Mangsa tipu Black Money ikat lelaki Afrika
Publication: HM
Date of publication: Jan 13, 2005
Page number: 24

KUALA LUMPUR: Sekumpulan geng `Black Money' dianggotai dua warga Afrika dikesan menawarkan wang tunai sehingga AS\$1 juta (RM3.8 juta) bagi sesiapa yang membayar mereka AS\$10,000 (RM38,000).

Kumpulan penjenayah itu yang beroperasi di sebuah kondominium mewah di ibu kota memperdaya beberapa mangsa di kalangan ahli perniagaan yang bercita-cita menjadi `jutawan segera'.

Bagaimanapun, tindakan mereka memerangkap diri sendiri apabila ada antara mangsa yang menyedari diperdaya memaksa mereka menyerahkan semua wang ditipu.

Dalam kejadian Isnin lalu, seorang ahli sindiket Black Money membuat laporan polis selepas seorang rakannya ditahan sekumpulan lelaki yang ditipu, Khamis lalu.

Dalam kejadian itu, lelaki Afrika terbabit membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul berhubung penahanan seorang rakannya di sebuah kondominium mewah di Jalan Tun Razak.

Sumber polis berkata, hasil laporan itu, sepasukan polis menyerbu sebuah unit di situ sebelum menemui seorang lelaki Afrika diikat dan ditahan tiga lelaki rakyat tempatan.

Menurutnya, siasatan mendapati tiga lelaki rakyat tempatan itu mengikat lelaki Afrika itu disebabkan marah kerana ditipu.

"Lelaki Afrika itu dipercayai menjual kepingan Black Money dan pelbagai peralatan memproses wang Dolar Amerika Syarikat kepada tiga rakyat Malaysia sebelum ini.

"Mangsa membayar lebih AS\$10,000 untuk mendapatkan AS\$1 juta tetapi mangsa menyedari diperdaya selepas kertas `Black Money' yang dicuci dengan bahan kimia khas tidak menjadi," katanya.

(END)

Headline: LAGI MANGSA BLACK MONEY

Publication: HM

Date of publication: Mar 4, 2005

Page number: 21

Byline / Author: Oleh Nazarali Saeril

KUALA LUMPUR: Seorang bekas pegawai Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) diperdaya seorang lelaki anggota sindiket Black Money yang mendakwa anak bekas perdana menteri sebuah negara Afrika.

Mangsa mendapati tertipu apabila kertas hijau kononnya bernilai RM19 juta pemberian lelaki Afrika itu tidak bertukar menjadi wang tunai Amerika Syarikat (AS) selepas melakukan proses cucian dengan bahan kimia.

Sindiket itu meletakkan lapan wang tunai AS tulen dengan diwarnakan hijau pada kertas berkenaan bagi mengabui mata mangsa.

Timbalan Ketua Bahagian Jenayah Perdagangan Bandaraya, Superintendan Mohd Shariff Abdul Wahid, berkata mangsa yang juga ahli perniagaan berumur lingkungan 40-an mulanya girang apabila mendapati lapan helai kertas hijau itu bertukar kepada wang tunai tulen.

"Bagaimanapun, sebelum dia sempat mencuci kertas ke sembilan, bahan kimia menjadi beku dan tidak dapat digunakan untuk menukar kertas terbabit kepada wang tunai," katanya, di sini, semalam.

Beliau berkata, sebelum itu, mangsa dikatakan membayar RM19,000 kepada empat anggota sindiket Black Money, seorang daripadanya mengaku anak bekas perdana menteri sebuah negara Afrika, di satu tempat di ibu kota.

Wang berkenaan kononnya untuk membayar khidmat kurier menghantar baki wang tunai RM19 juta ke dalam negara ini bagi mengelak transaksi dikesan jika menggunakan khidmat pemindahan wang melalui syarikat milik mangsa.

Gelap mata dengan jangkaan limpahan kekayaan, mangsa membuat beberapa pembayaran sehingga mencecah RM320,000.

Selain itu, dia ditunjukkan transaksi yang dibuat seolah-olah sah, termasuk resit bagi setiap pembayaran yang dicetak melalui e-mel yang kononnya dihantar dari sebuah negara di Afrika.

Sebagai memenuhi perjanjian, mangsa dijanjikan mendapat wang RM19 juta itu selain diberi kertas hijau dan bahan kimia terbabit.

"Mangsa kemudian diajar bagaimana melakukan proses cucian dengan betul. Namun, dia tidak menyedari bahawa kimia itu hanya boleh digunakan untuk lapan helai kertas pertama sebelum menjadi beku dan tidak boleh digunakan," katanya.

Bekas pegawai TUDM itu mula mengesyaki ditipu selepas anggota sindiket berdolak-dalik berhubung wang RM19 juta yang kononnya dibawa dari Afrika.

Mohd Shariff berkata, mangsa kemudian membuat satu laporan polis sebelum tiga suspek yang berusia antara 25 dan 30 tahun ditahan dalam satu serbuan di sebuah hotel lima bintang di ibu negara, petang kelmarin.

Siasatan awal mendapati, dua daripada suspek tidak mempunyai dokumen perjalanan sah, manakala seorang lagi memiliki pasport Cameroon dan Afrika Selatan.

(END)

Headline: Guna pelbagai helah perdaya mangsa

Publication: HM

Date of publication: May 6, 2005

Section heading: Main Section

Page number: 02

KUALA LUMPUR: Sindiket penipuan 'Black Money' licik menggunakan pelbagai tipu helah dan cerita karut bagi menjerat mangsa termasuk memberi alasan wang berkenaan hasil rampasan perang saudara di Afrika atau wang wasiat ditinggalkan orang kenamaan di benua itu.

Sindiket berkenaan turut memberitahu mangsa bahawa wang terbabit dibawa masuk oleh pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke negara ini serta sengaja dihitamkan untuk membolehkannya diseludup keluar dari negara Afrika.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Md Aris Ramli, berkata dalam kes terbaru polis menangkap dua lelaki warganegara Afrika Selatan berusia 31 dan 36 tahun di Kondominium Endah, Sri Petaling pada 30 April lalu manakala seorang lagi lelaki rakyat Guinea berumur 40 tahun ditahan di Seksyen 9, Shah Alam, pada hari sama.

Menurutnya, ketiga-tiga lelaki itu dipercayai terbabit menipu beberapa ahli perniagaan membabitkan kerugian lebih RM3.3 juta.

"Tangkapan berjaya dilakukan selepas mangsa membuat laporan polis sejurus terserempak sekumpulan ahli sindiket Black Money yang menipunya," katanya.

(END)

Headline: RM10 BUAT BLACK MONEY
Publication: HM
Date of publication: May 6, 2005
Section heading: Main Section
Page number: 02
Byline / Author: Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin

KUALA LUMPUR: Sukar dipercayai apabila sindiket penipuan wang hitam (black money) hanya 'melabur' tidak sampai RM10 bagi membeli cecair iodine dan peluntur kotoran untuk mendapat keuntungan berjuta ringgit daripada mangsa yang diperdaya.

Kebanyakan mangsa 'jutawan segera' itu mudah percaya bahawa cecair peluntur kotoran itu adalah satu-satunya 'cecair khas' yang menukarkan kertas hitam kepada wang tulen.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Md Aris Ramli, berkata siasatan polis mendapati sindiket Black Money itu yang bergiat cergas sejak lebih 10 tahun lalu, masih mengekalkan kaedah dan bahan asas penipuan sama sehingga kini.

Menurutnya, kaedah membuat wang kertas Black Money amat ringkas serta mengambil masa kurang daripada seminit bagi setiap helaian wang tulen yang hendak dihitamkan.

"Ahli sindiket hanya perlu mengambil masa kurang lima minit untuk 'menggelapkan' warna wang kertas asli itu.

"Kebiasaannya ahli sindiket terlebih dahulu menggunakan beberapa not wang kertas 100 dolar Amerika sebagai 'umpan' untuk memperdaya mangsa bagi melaburkan wang," katanya sewaktu membuat demonstrasi di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur, pagi semalam.

Menurutnya, duit tulen terlebih dahulu direndam dalam cecair iodine dalam tempoh beberapa minit untuk menjadikan permukaannya hitam.

"Duit itu kemudian dikeringkan menggunakan alat pengering rambut sebelum ditaburkan bedak bagi menghilangkan bau kuat iodine.

"Duit tulen itu kemudian disusun bersama beratus keping kertas hitam biasa sebelum ditunjukkan kepada mangsa," katanya.

Menurutnya, mangsa akan ditawarkan mencabut mana-mana helai kertas terbabit sebelum demonstrasi seterusnya untuk 'memutihkannya' wang terbabit dilakukan.

"Biasanya, ahli sindiket cuba meyakinkan mangsa dengan membuat demonstrasi itu serta-merta sama ada di bilik hotel, tandas, dalam kereta atau di rumah mangsa.

"Bagaimanapun, ahli sindiket biasanya memakai jaket bagi memudahkannya melakukan 'silap mata' dengan menukar kertas hitam dipilih mangsa itu dengan wang tulen tanpa disedari," katanya.

Menurutnya, wang tulen yang dihitamkan dengan cecair iodine itu kemudian direndamkan dalam

cecair peluntur yang didakwa mereka sebagai cecair khas untuk menghilangkan warna hitam berkenaan.

"Proses memutihkan semula wang itu hanya mengambil masa kurang 30 saat sebelum imej sebenar wang terbabit timbul sedikit demi sedikit.

"Kebanyakan mangsa biasanya berasa takjub dan terperanjat dengan demonstrasi itu apatah lagi selepas melihat wang kertas terbabit bernilai 100 dolar Amerika. Malangnya, semua mangsa yang ditipu langsung tidak menyedari 'cecair khas' berwarna jernih itu hanyalah peluntur kotoran pakaian yang bernilai RM2.80 sebotol," katanya.

Menurutnya, wang terbabit yang sudah ditimbulkan kembali imejnya akan direndam pula dalam cecair serbuk pencuci untuk menghilangkan baunya.

"Bagi lebih meyakinkan mangsa, ahli sindiket terbabit akan meminta mangsa menukar sendiri wang itu di bank atau premis pengurup wang berhampiran.

"Mangsa yang terpedaya kemudian diminta membayar wang dalam jumlah tertentu dengan alasan untuk membeli cecair khas terbabit yang didakwa sukar diperolehi dan mahal," katanya.

Dalam kes terbabit, mangsa yang mudah 'gelap mata' dengan timbunan kertas hitam terbabit segera bersetuju membuat bayaran kerana memikirkan keuntungan tinggi melalui pertukaran dolar Amerika kepada ringgit Malaysia.

"Mangsa kemudian diserahkan ikatan beribu helai wang 'black money' sebagai jaminan sementara menunggu sindiket itu berusaha mendapatkan cecair khas berkenaan.

"Bagaimanapun, ahli sindiket yang sudah mendapat wang beratus ribu ringgit itu akan lesap begitu sahaja. Mangsa hanya menyedari diperdaya apabila mendapati sindiket itu gagal dihubungi manakala wang hitam terbabit hanyalah kertas biasa yang boleh didapati ke kedai alat tulis," katanya.

Beliau berkata, proses menghitamkan duit itu tidak hanya tertumpu pada matawang dolar Amerika sahaja.

(END)

Headline: NYARIS TERTIPU

Publication: HM

Date of publication: May 7, 2005

Section heading: Main Section

Page number: 23

Byline / Author: Oleh Nazarali Saeril; Mohd Jamilul Anbia Md Denin

KUALA LUMPUR: Dua anggota polis termasuk seorang pegawai kanan hampir menjadi mangsa penipuan sindiket Black Money yang ditumpaskan Rabu lalu, selepas menyaksikan demonstrasi menukar helaian kertas hitam menjadi wang Amerika oleh seorang daripada anggota kumpulan penjenayah itu.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mustaffa Abdullah, berkata kedua-dua anggota polis berkenaan, termasuk seorang bekas koperal, diperdaya untuk melihat demonstrasi yang dijalankan seorang bekas warden Penjara Pudu di sebuah hotel lima bintang, di Jalan Ampang.

"Mereka pergi ke sana untuk melihat demonstrasi melabur sejumlah wang jika ia berjaya meyakinkan kedua-dua anggota dan bekas polis itu.

"Berdasarkan keterangan yang diberikan selain siasatan menyeluruh yang dijalankan, kedua-dua pegawai dan bekas polis itu didapati tidak mempunyai kaitan atau terbabit dengan sindiket Black Money," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Kedua-dua pegawai dan bekas polis yang ditahan itu sudah dibebaskan selepas mendapat arahan daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Kenyataan beliau sekali gus menafikan laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris semalam, bahawa kedua-dua pegawai dan bekas polis itu terbabit secara langsung dalam kegiatan penipuan Black Money.

"Saya kecewa dengan laporan yang tidak benar itu kerana ia boleh merosakkan reputasi dan imej Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara keseluruhan.

"Kami tidak tahu di mana wartawan berkenaan mendapat berita tidak benar itu tetapi mereka mungkin akan diminta hadir di mahkamah untuk memberi keterangan sewaktu perbicaraan dilakukan," katanya.

(END)

Headline: RM200,000 LESAP SEKELIP MATA
Publication: HM
Date of publication: Jun 29, 2005
Section heading: Main Section
Page number: 23
Byline / Author: Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin

KUALA LUMPUR: Seorang ahli perniagaan berusia 40-an rugi RM200,000 diperdaya anggota sindiket 'Black Money' gara-gara kesilapannya sendiri yang menaruh impian untuk bergelar 'jutawan dollar' dalam sekelip mata.

Dalam kejadian itu, mangsa sanggup membayar wang tunai itu selepas dijanjikan memperoleh 'kertas hitam' yang dianggarkan berjumlah AS\$200,000 (RM760,000).

Lebih malang apabila mangsa didakwa diperdaya lelaki terbabit ketikaberada di perkarangan masjid selepas menunaikan solat Jumaat, 24 Jun lalu.

Pendekatan itu dikatakan berkesan kerana mangsa mudah terpedaya dengan helah anggota sindiket yang sama-sama bersolat sebelum mempengaruhinya menyaksikan demonstrasi menukar kertas hitam kepada mata wang dolar Amerika.

Sumber polis berkata, dalam kejadian itu, ahli sindiket Black Money sengaja menyapa dan berkenalan dengan mangsa ketika mangsa baru selesai menunaikan solat Jumaat di masjid Seksyen 15, Subang Jaya.

Menurutnya, hasil perkenalan singkat itu, mangsa cuba ditawarkan kepingan Black Money yang didakwa boleh memberikannya keuntungan berlipat ganda.

"Mangsa bertambah ghairah apabila ahli sindiket terbabit turut membuat demonstrasi mencuci kertas hitam terbabit sebelum ia bertukar menjadi wang kertas dolar Amerika.

"Berikutan itu, mangsa bersetuju membeli kertas hitam itu pada harga RM200,000," katanya.

Menurutnya, mangsa mengatur semula temujanji sebelum membayar wang terbabit di pusat beli-belah terkemuka di Brickfields, Ahad lalu.

"Lima lelaki warga Afrika itu kemudian menyerahkan beg berisi kertas hitam terbabit kepada mangsa sebelum berlalu pergi.

"Mangsa mulanya girang bagaimanapun terkejut apabila kertas hitam yang dicuci itu tidak bertukar menjadi wang dolar Amerika seperti diharapkan," katanya.

Berikutan itu, mangsa segera membuat aduan di Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, pagi semalam.

Menurutnya, polis sedang berusaha mengesan lima lelaki terbabit yang berusia 25 hingga 36 tahun bagi menyelesaikan kes berkenaan.
(END)

Headline: DAKWA MANGSA BLACK MONEY

Publication: HM

Date of publication: May 14, 2005

Section heading: Main Section

Page number: 24

Byline / Author: Oleh Muhd Izawan Baharin

KUALA LUMPUR: Mangsa sindiket Black Money mungkin boleh dikenakan tindakan kerana bersubahat dengan penjenayah terbabit.

Ini berikutan, individu yang dikatakan mangsa itu sedar cara berkenaan salah tetapi tetap membelinya demi mengaut keuntungan berlipat ganda.

Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Bahrin Idrus, berkata individu berkenaan bukan saja tamak, malah bersubahat dengan penjenayah.

"Pada pendapat saya, mereka bersubahat dan boleh disamakan dengan penjenayah itu sendiri," katanya pada Majlis Pelancaran Rakan Cop Kuala Lumpur Bersama BP di stesen minyak BP Jalan Maarof, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan BP Malaysia, Tan Kim Thiam dan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kuala Lumpur, Senior Asisten Komisioner II Aziz Bulat.

Ahmad Bahrin berkata, mereka boleh disiasat mengikut Seksyen 468 Kanun Keseksaan kerana terbabit dalam pemalsuan untuk tujuan menipu.

Akhbar baru-baru ini melaporkan, dua ahli perniagaan yang dijanjikan keuntungan sehingga RM30 juta kerugian lebih RM3.3 juta apabila ditipu sindiket Black Money yang didalangi warga Afrika dalam dua kes berasingan.

Polis turut memandang serius peningkatan kes penipuan itu dan statistik tahun lalu menunjukkan 24 kes dilaporkan membabitkan kerugian lebih RM1.5 juta, manakala dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini 12 kes dilaporkan membabitkan kerugian hampir RM3.9 juta.

Sindiket itu kerap mengubah taktik mengikut keadaan, kononnya wang yang dihitamkan dibawa masuk ke negara ini melalui pegawai Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau wang berkenaan harta pusaka orang kenamaan di Afrika yang sudah meninggal dunia.

Selain itu, mereka juga mendakwa boleh menggandakan wang dolar Amerika Syarikat melalui proses penekapan dan membawa masuk wang hasil rampasan perang di Afrika ke negara ini.

(END)

Headline: Menyamar kakitangan PBB

Publication: HM

Date of publication: Jun 10, 2005

Section heading: Main Section

Page number: 04

SHAH ALAM: Seorang lelaki warga Filipina didapati bersekongkol dengan dua lelaki dari Cameroon untuk menyamar sebagai kakitangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi memperdaya golongan berada melalui taktik Black Money.

Ketiga-tiga lelaki berkenaan yang berusia antara 30-an dan 40-an, dikesan memperkenalkan diri sebagai pekerja PBB untuk meyakinkan mangsa.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Asisten Komisioner Abdul Rahman Hussin, berkata sindiket itu berpangkalan di sebuah kondominium di Taman Angsana Hilir, Kuala Lumpur dan memperdaya mangsa sejak setahun lalu.

"Hasil risikan dan siasatan, sepasukan polis dari Bahagian Perjudian, Maksiat dan Kongsi Gelap Selangor diketuai Inspektor Razali Ismail, menyerbu kondominium itu kira-kira jam 1.30 petang semalam.

"Polis turut merampas pelbagai peralatan dan bahan yang digunakan untuk menipu termasuk cecair hitam, kapas, serbuk tepung dan amonia karbonat," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) Selangor, di sini, semalam.

Abdul Rahman berkata, sindiket itu dipercayai mendekati golongan berada dengan mengaku sebagai kakitangan PBB dan melakukan demonstrasi menggunakan wang kertas Dolar Amerika Syarikat tulen.

Mereka kemudian membawa mangsa ke pengurup wang untuk membuktikan ketulenan wang berkenaan, sebelum meminta wang tunai antara RM15,000 dan RM20,000 untuk memperoleh jumlah berganda.

Selepas wang diserahkan, kata Abdul Rahman, sindiket itu akan memberikan satu kotak mengandungi `wang' yang siap diproses tetapi meminta mangsa membukanya selepas tempoh 48 jam.

(END)

Headline: Kena cekup belum sempat tipu orang

Publication: MA

Date of publication: Aug 7, 2005

Section heading: Main Section

Page number: 02

KUALA LUMPUR: Dua lelaki disyaki ahli geng 'Black Money' yang baru tiba dari Afrika tidak sempat memperdaya orang ramai apabila ditahan polis di sebuah hotel di Jalan Bukit Bintang, awal pagi tadi.

Dalam operasi kira-kira jam 2 pagi itu, dua geng Black Money berusia 20 dan 30 tahun yang lengkap dengan peralatan 'menipu' seperti bedak, tepung, kertas putih dan beberapa lagi peralatan kecil kononnya dapat menjadikan kertas kosong kepada duit.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Kamal Pasha Jamal, berkata siasatan awal mendapati dua lelaki itu baru tiba dari Nigeria dan dipercayai ke negara ini hanya untuk memperdaya orang ramai.

Katanya, geng Black Money akan memilih hari minggu untuk memperdaya orang ramai dan menjadikan pusat beli-belah sebagai lokasi utama.

"Orang ramai dinasihatkan agar tidak mudah terpedaya dengan tipu helah dan perangkap sindiket terbabit," katanya.

Dalam kejadian pada 24 Jun lalu, seorang ahli perniagaan berusia 40-an kerugian RM200,000 diperdaya anggota sindiket Black Money gara-gara kesilapannya sendiri yang menaruh impian untuk bergelar 'jutawan dollar' dalam sekelip mata.

Sindiket itu pandai bermain kata-kata hingga mangsa sanggup membayar wang tunai itu selepas dijanjikan memperoleh 'kertas hitam' yang dianggarkan berjumlah AS\$200,000 (RM760,000).

Lebih malang apabila mangsa didakwa diperdaya lelaki terbabit ketika berada di pekarangan masjid selepas menunaikan solat Jumaat.

(END)

Headline: Gempur habis-habisan

Publication: MA

Date of publication: Nov 19, 2006

Section heading: Main Section

Page number: 10

Byline / Author: Oleh Zainuddin Zain; Fuad Hadinata Yaacob

KUALA LUMPUR: Selepas penipuan black money yang dipelopori mereka sukar digerakkan berikutan pemantauan ketat pihak berkuasa, segelintir warga Afrika di negara ini kini mempelbagaikan aktiviti jenayah mereka dengan turut terbabit dalam penipuan internet, pemalsuan dokumen perjalanan dan penyeludupan dadah serta berlian.

Mereka juga kurang senang dengan gelaran Gagak Hitam yang dilabelkan kepada mereka dan mahu rakyat serta pihak berkuasa negara ini menggelarkan mereka 'Bungundy', satu istilah yang merujuk warna kulit mereka yang gelap.

Berikutan itu, Kabinet menerusi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad, mengarahkan pihak berkuasa menggempur habis-habisan bagi membendung kegiatan mereka sejak awal bulan ini.

Hasilnya, dalam operasi pertama 9 November lalu, seramai 24 warga Afrika ditahan, termasuk seorang bekas pemain bola sepak import pasukan Kuala Lumpur yang beraksi dalam Liga Perdana Malaysia.

Dalam operasi terbaru Khamis lalu, seramai 18 warga Afrika ditahan dan dihantar ke Depoh Tahanan Lenggeng, Negeri Sembilan kerana pelbagai masalah imigresen.

Menurut sumber, warga Afrika yang sering mencetuskan masalah itu berasal dari beberapa negara iaitu dari wilayah Afrika Barat seperti Cameroon, Nigeria, Republik Gabon, Lesotho, Swaziland, Bostwana selain Afrika Selatan.

"Jenayah utama mereka masih lagi wang palsu, tetapi Black Money hampir 'berkubur' berikutan terlalu banyak publisiti menyebabkan rakyat negara ini tidak lagi mudah ditipu.

"Warga Afrika kini aktif dalam penipuan di internet, selain memalsukan dokumen perjalanan seperti passport dan pas UNHCR (Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian) untuk dijual di pasaran gelap antarabangsa," katanya.

Sumber berkata, golongan 'Bungundy' turut terbabit dalam penyeludupan dadah seperti kokain dan marijuana ke negara ini dengan taktik licik, iaitu menggunakan campuran beberapa bahan kimia menjadi satu lapisan untuk membalut dadah berkenaan sehingga tidak mampu dikesan mesin pengimbas ketika di lapangan terbang.

Katanya, kaedah itu juga terbukti berjaya apabila seorang wanita warga Filipina yang diupah sindiket dari Afrika Barat mengaku sudah lima kali berjaya melepasi sekatan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk membawa masuk kokain.

Malah, ketika ditahan di Aras Tiga KLIA tahun lalu, wanita itu berjaya melepasi sekatan Jabatan

Kastam Diraja Malaysia.

"Untuk menyeludup berlian pula, mereka memasukkan batu berkekaan ke dalam botol air mineral. Memang cara itu kelihatan cukup mudah, tetapi terbukti berkesan," katanya.

Sumber berkata, warga Afrika yang datang ke negara ini juga kini ada cara baru untuk tinggal lebih lama selepas taktik mereka sebelum ini, iaitu mendaftar sebagai pelajar kolej swasta, diketahui pihak berkuasa.

"Caranya ialah berkahwin dengan wanita tempatan. Taktik ini dikesan ketika operasi. Apabila seseorang lelaki warga Afrika ditahan, ada wanita akan hadir mengemukakan bukti perkahwinan dan tempoh lanjutan visa 'suami' mereka," katanya.

Sumber berkata, undang-undang Malaysia menetapkan hanya warga Ghana diberi pelepasan untuk tinggal tiga bulan di negara ini, manakala warga Afrika negara lain hanya dua minggu sebagai transit.

"Bagaimanapun, ada warga Afrika ini pandai berbahasa Melayu. Bayangkan sudah berapa lama mereka di negara ini," katanya.

Namun, kata sumber itu, paling membimbangkan ialah sikap agresif warga Afrika, iaitu budaya mereka yang dibawa ke negara ini.

"Sedia diketahui, warga Afrika adalah bangsa 'survival'. Bagi mereka, hidup atau mati adalah perjuangan. Tidak hairan apabila di negara ini mereka sanggup melakukan sesuka hati, termasuk bertindak agresif terhadap pihak berkuasa," katanya.

Malah, pada November tahun lalu, sekumpulan warga Afrika bertindak biadap mencabar pihak berkuasa dengan meletakkan nota berbaur kebencian dan ancaman pada sebutir molotov koktel di tepi restoran di Jalan Alor, Bukit Bintang, di sini.

Nota yang ditulis tangan dalam bahasa Inggeris itu berbunyi: "Hate Malaysia, Warning Police, Release My Team In The Station, I Have 10 Bombs In Alor. It Will Explode 24 Hours, Release My Negro Team, Now!"

Penolong Pengarah Operasi, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (Rela), Kol (Rela) Zubir Mustaffa, ketika diajukan masalah mengenai warga Afrika berkata, operasi besar-besaran dikenali sebagai 'Ops Gagak Hitam' yang dilancarkan sekarang dengan kerjasama Jabatan Imigresen bukan bermaksud mendiskriminasi mana-mana bangsa.

"Arahan ini berikutan ancaman yang ditimbulkan warga Afrika. Banyak aduan diterima mengenai mereka, menyebabkan menteri (Radzi) memberi arahan supaya mengambil tindakan membendung masalah ini daripada berleluasa," katanya.

Beliau tidak menafikan operasi menahan warga Afrika cukup sukar berikutan sikap agresif, terutama apabila mereka mabuk.

"Operasi bertumpu kepada dokumen perjalanan dan visa mereka. Kita juga menahan jika mengesyaki passport atau dokumen mereka palsu, selain tinggal di negara ini melebihi tempoh

dibenarkan.

"Mereka menyalahi syarat visa dengan bekerja seperti menjual barangan kulit juga akan ditahan," katanya.

Berdasarkan laporan sebelum ini, selain kegiatan jenayah perdagangan, ada juga warga Afrika terbabit dengan kes serangan seksual, terutama mencabul dan merogol serta rusuhan.

(END)

Headline: 40 kes Black Money selesai

Publication: BH

Date of publication: Aug 24, 2006

Section heading: Ekonomi

Page number: 11

KUALA LUMPUR: Sejumlah 40 kes 'Black Money' dan 34 kes perjudian terancang 'Black Jack' membabitkan lebih RM3 juta berjaya diselesaikan antara Januari 2005 sehingga Julai lalu.

Superintendan Siasatan I, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Kuala Lumpur, Superintendan Mohd Shariff Abd Wahid, berkata dua sindiket itu aktif sejak dua tahun lalu dengan menjadikan ahli perniagaan dan orang kenamaan sebagai sasaran.

Katanya, sehingga kini sindiket penipuan Black Jack yang dianggotai warga asing dikesan terbabit dalam 34 kes termasuk empat kes sepanjang tahun ini membabitkan kerugian hampir setengah juta ringgit.

"Walaupun jumlah kerugian lebih kecil berbanding kes Black Money, tetapi berdasarkan modus operandi yang digunakan, kita bimbang mereka akan mengambil kesempatan kehadiran kira-kira 21 juta pelancong tahun depan," katanya kepada pemberita semalam.

Justeru katanya, sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, pihaknya akan memberikan tumpuan khusus kepada kegiatan penipuan Black Jack.

(END)

Headline: Black Money dikesan aktif semula

Publication: BH

Date of publication: Jun 22, 2007

Section heading: Main Section

Page number: 19

KUALA LUMPUR: Sindiket Black Money yang didalangi warga asing, terutama dari Afrika dikesan kembali aktif di ibu kota selepas pelbagai usaha memerangi kegiatan penipuan itu dilaksanakan pihak berkuasa sebelum ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Aris Ramli, berkata sepanjang enam bulan tahun ini saja, tujuh kes membabitkan sindiket itu dilaporkan dengan jumlah kerugian RM127,000.

Katanya, sindiket terbabit juga dikesan tidak lagi berurusan secara terus dengan pelanggan, sebaliknya menggunakan khidmat rakyat tempatan sebagai orang tengah untuk meningkatkan keyakinan mangsa selepas kegiatan mereka terbongkar sebelum ini.

"Polis berjaya menyelesaikan semua kes berkenaan. Bagaimanapun, wang dilaburkan mangsa tidak ditemui, dipercayai sudah habis dibelanjakan anggota sindiket. Kami masih menjalankan pemantauan bagi memastikan kegiatan ini tidak berleluasa.

"Pada masa sama, kami mengingatkan orang ramai tidak memilih jalan mudah menjadi kaya hingga tertipu. Tiada cara untuk mendapat wang mudah, termasuk mencuci serta menukar kertas hitam kepada dolar Amerika," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Sementara itu, polis turut mengesan wujud kegiatan penipuan berasaskan perjudian Black Jack, dengan sasaran mangsanya pelancong asing, terutama di Bukit Bintang dan kawasan sekitarnya.

Katanya, sindiket terbabit didalangi warga asing, dipercayai bergerak berkumpulan antara empat hingga lima orang untuk memperdayakan mangsa.

"Anggota sindiket biasanya akan mendekati mangsa dengan penuh mesra sebelum mempelawa mereka bermain Black Jack. Mangsa kemudian diminta membuat pertaruhan sehingga terleka kerana terlalu asyik dan tidak menyedari kehabisan wang dan berhutang dengan sindiket itu.

"Selepas kehabisan wang tunai, mangsa kemudian dibawa ke mesin juruwang automatik (ATM) untuk mengeluarkan wang atau membuat pembelian barang kemas melalui kad kredit," katanya.

Aris berkata, siasatan awal mendapati sindiket terbabit dianggotai warga Filipina yang mencari mangsa, terutama pelancong asing yang bakal meninggalkan negara ini dalam tempoh terdekat.

"Kebiasaannya, suspek terdiri daripada wanita itu akan beramah mesra kononnya mempunyai sanak saudara di negara mangsa sebelum mempelawa dan membawa mereka pergi ke

rumah," katanya.

Beliau berkata, polis menerima lima kes berkaitan kejadian itu yang membabitkan kerugian kira-kira RM50,000 sehingga semalam.

(END)

Headline: 13 terbabit `black money' ditahan
Publication: BH
Date of publication: Apr 1, 2008
Section heading: Main Section
Page number: 13
Byline / Author: Oleh Petah Wazzan Iskandar

KUALA LUMPUR: Polis menahan 17 orang termasuk 13 warga asing berhubung tiga kes berasingan membabitkan sindiket `black money', penipuan tawaran tender dan pengedaran cakera padat digital (DVD) cetak rompak sekitar Lembah Klang, sejak awal tahun ini.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Mohd Aris Ramli, berkata semua 13 warga asing berusia 20 hingga 40 tahun itu ditahan kerana terbabit dalam kegiatan `black money', membabitkan kerugian berjuta ringgit.

"Bagaimanapun modus operandi yang digunakan mereka sentiasa berubah khususnya apabila rahsia mereka diketahui polis. Kaedah terbaru digunakan mereka ialah menggunakan e-mel untuk penyebaran kegiatan mereka," katanya pada sidang media di pejabatnya di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur, pagi semalam.

Dalam serbuan itu, polis turut merampas dua beg pakaian berisi berpuluh-puluh bungkus kertas kosong bersaiz dolar Amerika (USD) dengan setiap daripadanya diletakkan beberapa keping duit palsu US\$100 untuk mengaburi mangsa dan sebotol bahan kimia warna putih dipercayai untuk mencuci `black money'.

Dalam kes lain, polis menahan dua lelaki yang melakukan penipuan dalam tawaran tender yang tidak wujud dan mendakwa menjadi orang tengah dalam projek tertentu.

Sementara itu, Khamis lalu, polis menahan dua lelaki berumur 20 hingga 30 tahun dalam dua serbuan di sebuah kedai menjual cakera padat di Jalan Gereja dan Lebu Ampang, di sini.

(END)

Headline: Rakyat tempatan 'rekrut' Black Money
Publication: BM
Date of publication: May 8, 2005
Section heading: Main Section
Page number: 05

KUALA LUMPUR: Polis percaya rakyat tempatan yang terbabit dalam sindiket Black Money mempelajari teknik menukar kertas putih kepada wang tunai daripada warga Afrika selepas mendapati ia mendatangkan pulangan lumayan.

Walaupun setakat ini polis hanya menahan seorang rakyat tempatan iaitu bekas warden penjara kerana disyaki terbabit dalam kegiatan itu, polis tidak menolak kemungkinan lebih ramai penduduk tempatan yang terbabit berdasarkan modus operandi yang sama.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Mustafa Abdullah, berkata pihaknya sedang menjalankan siasatan lanjut mengenai kemungkinan sindiket berkenaan yang dimonopoli rakyat Afrika kini sudah 'merekrut' rakyat tempatan.

(END)

Headline: Ahli sindiket `black money' ditumpas
Publication: BH
Date of publication: Oct 9, 2004
Section heading: Ekonomi
Page number: 06

SEREMBAN: Seorang lelaki warga Cameroon berusia 29 tahun dipercayai ahli sindiket `black money' antarabangsa ditahan polis ketika sedang berurusan dan menunjukkan demonstrasi kepada pelanggannya, malam semalam.

Lelaki terbabit ditahan sepasukan pegawai dan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan negeri, kira-kira jam 11 malam di tingkat empat sebuah unit kondominium di Tasek Mewah Kondominium, di sini.

Dalam serbuan hasil maklumat orang ramai itu, polis merampas barangan dan peralatan yang boleh menghasilkan `black money' antaranya 17 bungkus kertas hitam yang disimpan dalam sebuah beg, lampu dan botol iodin.

Lelaki itu difahamkan pergi ke kondominium berkenaan untuk memujuk dan meyakinkan seorang pelanggannya, iaitu seorang ahli perniagaan berusia dalam lingkungan 40 tahun.

Difahamkan, lelaki terbabit meyakinkan ahli perniagaan terbabit bahawa dia boleh membantunya mendapatkan sebanyak AS\$1.8 juta dengan syarat ahli perniagaan itu membayar RM180,000 kepadanya.

Sebelum itu, lelaki terbabit menunjukkan demonstrasi kepada ahli perniagaan itu bagaimana cara tiga keping kertas hitam boleh menjadi AS\$100 setiap keping.

Polis kemudian mendapatkan perintah tahanan reman ke atas lelaki terbabit di Mahkamah Majistret di sini semalam, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana kesalahan menipu.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Senior Asisten Komisioner 1, Datuk Sulaiman Mohd Yusof, mengesahkan penahanan lelaki warga Cameroon itu.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai supaya berhati-hati sekiranya didatangi warga asing yang menawarkan perkhidmatan yang tidak masuk akal seperti boleh memberi dan menghasilkan wang.

"Kita harap orang ramai supaya jangan sesekali menerima janji daripada mana-mana pihak yang tidak masuk akal seperti boleh menjadikan seseorang menjadi kaya dengan sekelip mata.

(END)

Headline: Geng tipu tumpas, wang palsu RM44j dirampas

Publication: BH

Date of publication: Feb 24, 2009

Section heading: Main Section

Page number: 13

Byline / Author: Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Polis menumpaskan dua sindiket didalangi warga Afrika dan rakyat tempatan yang menipu dua warga asing membabitkan RM267,750 (AS\$76,500) serta merampas wang tunai palsu mata wang Amerika dan Ringgit Malaysia berjumlah RM44 juta.

Turut dirampas dalam serbuan berasingan itu di sini pada 13 dan 16 Februari lalu ialah dua kad diplomat Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain dipercayai palsu, tujuh telefon bimbit. Kad itu dipercayai digunakan anggota salah satu sindiket untuk menyamar sebagai diplomat Britain.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Muhammad Sabtu Osman, berkata penahanan anggota dua sindiket itu dilakukan selepas polis menerima aduan mangsa yang mendakwa ditipu, termasuk satu oleh sindiket 'Black Money' Afrika.

Katanya, dalam kes pertama, polis menerima aduan seorang wanita Australia berusia 58 tahun mendakwa ditipu AS\$26,500 (RM92,750) oleh dua lelaki Nigeria, dipercayai sindiket Black Money.

"Wanita itu datang ke Malaysia semata-mata untuk berurusan dengan sindiket yang mendakwa mereka pemegang amanah wang bapa saudaranya, berjumlah AS\$12.5 juta yang sudah meninggal dunia.

"Mangsa membayar AS\$26,500 sebagai bayaran proses wang wasiat itu. Mangsa mempercayai mereka selepas dua lelaki terbabit menunjukkan wang tunai AS\$12,520,050 dalam sebuah beg.

"Dalam serbuan di hotel itu, kita merampas sebuah beg mengandungi 121 ikatan AS\$100 palsu

yang semuanya bernilai AS\$12,520,050, 12 kertas hitam berukuran saiz AS\$100 serta dua kad diplomat Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British palsu," katanya di sini, semalam.

Dalam kejayaan kedua 16 Februari lalu, polis menyerbu sebuah hotel di sini dan menahan empat orang termasuk dua lelaki warga Cameroon berusia 24 dan 34 tahun, seorang wanita dan lelaki tempatan, berusia 32 dan 60 tahun.

Muhammad Sabtu berkata, serbuan dibuat selepas menerima aduan seorang ahli perniagaan Brunei yang kerugian AS\$50,000 selepas ditipu sindiket yang mendakwa boleh menggandakan wangnya.

"Hasil serbuan itu, polis menemui sebuah beg berisi 10 ikatan wang RM50 dibalut dengan plastik bernilai RM300,000 itu dipercayai wang palsu yang dihasilkan dalam bentuk imbasan," katanya.

(END)

Headline: 4 warga Nigeria ditahan

Publication: BH

Date of publication: Jan 17, 2009

Section heading: Main Section

Page number: 12

JOHOR BAHRU:

Polis daerah Kluang menahan tiga lelaki dan seorang wanita, semuanya warga Nigeria yang disyaki terbabit dalam sindiket 'Black Money' dengan menggunakan laman web bagi menghubungi mangsa sebelum memperdayakan mereka.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata pada 24 Disember lalu, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang menerima laporan berkaitan dengan kes penipuan membabitkan sindiket 'Black Money'.

Berikutan itu, katanya, satu operasi khas diadakan dengan kerjasama Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman dan serbuan dilakukan di sebuah hotel di Kuala Lumpur.

(END)

Headline: `Minah Saleh' tiru taktik Black Money

Publication: HM

Date of publication: Mar 2, 2010

Section heading: Main Section

Page number: 006

Byline / Author: Oleh Mohd Jamilul Anbia Md Denin; Ahmad Tajol Ansar Ibrahim

PUCHONG: Mulut manis gadis 'Minah Saleh' yang mendakwa waris jutawan sambil menunjukkan peti besi kononnya penuh wang kertas berjuta ringgit dijadikan modal oleh sindiket penipuan antarabangsa untuk memperdaya ramai rakyat negara ini yang terbeliak mata selepas ditunjukkan peti besi berkenaan

Difahamkan wanita berusia 30-an yang menjadi orang perantaraan urus niaga itu bermodalkan peti besi keselamatan kecil yang diisi penuh duit palsu dengan mata wang Dollar Amerika dan Euro bagi meyakinkan mangsa yang ditawarkan menjadi rakan niaga

Bagaimanapun, kegiatan licik sindiket itu ditumpaskan selepas sepasukan 10 anggota termasuk pegawai dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman menyerbu sarang sindiket berkenaan di sebuah pangsapuri berhampiran KOI Kinrara, Puchong, dekat sini, malam semalam.

Lebih mengejutkan apabila lebih 20 peti besi mengandungi pelbagai mata wang palsu dengan jumlah not dan nilai berbeza luar negara ditemui dalam pangsapuri terbabit.

Kejayaan menumpaskan sindiket itu susulan penahanan dua wanita wanita warga asing yang menjadi orang tengah penipuan membabitkan nilai jutaan ringgit itu, semalam.

Sumber polis berkata, sindiket penipuan terancang itu cukup licik apabila berjaya menipu puluhan mangsa bermodalkan peti simpanan keselamatan yang diisi penuh wang kertas palsu selain kertas kosong yang disusun menyerupai wang.

Menurutnya, suspek biasanya memerangkap mangsa melalui kiriman surat atau mesej layang melalui e-mel.

"Biasaannya, ahli sindiket akan menyamar sebagai gadis malang dari Eropah yang menghadapi kesulitan untuk melabur dan membuka perniagaan di negara ini dengan pelbagai alasan termasuk eset akaun bank miliknya dibekukan.

"Selepas mangsa bersetuju membantu dengan dijanjikan ganjaran jutaan ringgit, mangsa diajak bertemu ahli sindiket berkenaan yang juga seorang wanita jelita.

"Wanita terbabit membawa bersama peti besi yang didakwa berisi wang tunai 30 juta Euro,"katanya.

Menurutnya, wanita itu membuka peti besi terbabit sebelum menunjukkan longgokan wang kepada mangsa tanpa membenarkan mangsa menyentuhnya.

"Biasanya mangsa gelap mata dan percaya wang itu tulen sebelum bersetuju dengan tawaran

suspek. Berdasarkan siasatan, penjenayah berpura-pura meminta cagaran sekiranya mahu urus niaga itu diteruskan.

"Mangsa yang tamak sanggup membayar sehingga RM30,000 sebelum pihak sindiket menyerahkan peti besi keselamatan itu sebagai tukaran. Mangsa hanya menyedari diperdaya apabila duit di dalam peti besi berkenaan wang palsu atau kertas kosong," katanya.

Menurutnya, penipuan itu bagaimanapun ditumpaskan selepas dua wanita diberkas berhampiran KL Sentral, petang semalam sebelum suspek membawa polis ke sebuah pangsapuri yang dijadikan markas sindiket.

Dalam serbuan kira-kira jam 4 petang semalam, lebih 20 peti besi keselamatan bersaiz kecil mengandungi pelbagai mata wang dengan jumlah not dan nilai berbeza ditemui dalam pangsapuri itu.

"Selain mata wang Euro dan dolar, not RM50 dan RM100 turut ditemui. Bagaimanapun polis percaya semua wang itu palsu dan dibuat menggunakan kaedah sama seperti sindiket Black Money.

Menurutnya, pemeriksaan lanjut dalam bilik tidur kemudian menemui kertas hitam yang sinonim dengan kegiatan berkenaan.

"Jika sebelum ini sindiket terbabit menggunakan khidmat wanita tempatan sebagai orang tengah, kini mereka mungkin mengubah modus operandi apabila mula menggunakan wanita warga asing yang dianggap lebih meyakinkan untuk memperdaya mangsa.

"Dua wanita berkenaan berusia lingkungan 30-an dan seorang daripada mereka warga Perancis, ditahan dan dibawa ke JSJK bagi membantu siasatan.

Identiti seorang lagi suspek bagaimanapun diragui berikutan penemuan dua passport antarabangsa yang ditemui dalam markas itu menyatakan suspek memiliki status kerakyatan dua negara berbeza.

Headline: Warga Afrika jual barangan kulit tiruan

Publication: MA

Date of publication: May 8, 2005

Section heading: Main Section

Page number: 06

Byline / Author: Oleh MOHD JAMILUL ANBIA MD DENIN

KUALA LUMPUR: Semakin ramai pendatang haram warga Afrika dikesan menjalankan kegiatan penipuan dengan menjual barang kulit tiruan yang didakwa buatan kulit binatang asli yang diimport dari negara mereka.

Ketua Polis Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Kamal Pasha Jamal, berkata pendatang asing itu mendapatkan bekalan pelbagai barang kulit tiruan seperti tali pinggang, kasut dan beg di sekitar Chow Kit sebelum membawanya ke kawasan luar bandar untuk dijual pada harga berlipat kali ganda.

Katanya, pendatang asing terbabit biasanya menipu pembeli dengan mendakwa barangan kulit berkenaan adalah asli dan dibawa masuk dari Afrika.

"Lambakan pendatang asing Afrika kebelakangan ini membimbangkan apabila polis turut menerima banyak aduan orang ramai berhubung sikap mereka yang sering mengganggu kententeraman awam.

"Berikutan itu, polis daerah Dang Wangi membuat operasi besar-besaran untuk menahan kumpulan warga asing ini yang didapati turut terbabit dengan pelbagai jenayah lain, termasuk sindiket Black Money," katanya.

Kamal berkata, hasil operasi berterusan sejak Khamis lalu, seramai 27 warga asing dari Afrika berusia antara 18 hingga 35 tahun ditahan untuk siasatan.

"Kebanyakan mereka ditahan di kawasan Lorong Haji Taib, Puduraya dan Bukit Bintang. Hasil siasatan mendapati 17 warga Afrika yang ditahan itu tidak memilik dokumen sah memasuki negara ini, manakala 10 lagi disyaki menggunakan visa palsu serta menyalah guna visa pelajar.

"Saya yakin ada antara mereka memasuki negara ini sebagai pelajar, namun menyalahguna visa untuk tujuan lain, termasuk bekerja secara haram dalam pelbagai sektor," katanya.

(END)

Headline: Laporan akhbar mengenai kesalahan warga Afrika (Mei-November 2006)

Publication: MA

Date of publication: Nov 19, 2006

Section heading: Main Section

Page number: 13

>>13 Nov 2006 - PUTRAJAYA: Seorang lelaki warga Ghana yang mengaku bekas pemain bola sepak Liga Malaysia dan pernah bermain untuk kelab di Kelantan, menangis sambil merayu dibebaskan ketika ditahan kerana tidak memiliki pasport dan permit kerja yang sah.

Ketika ditahan di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, pemain bola itu ditemani isterinya, rakyat tempatan yang dipercayai berasal dari Kelantan.

>>23 Okt 2006 - KUALA LUMPUR: Kegiatan jenayah dan maksiat di kawasan Bukit Bintang kini dikuasai lelaki Afrika apabila kebanyakan mereka mengambil alih beberapa rumah pelacuran dan menjadi bapa ayam.

Mereka yang sebelum ini sering dikaitkan dengan jenayah penipuan, dikatakan beralih angin menguasai jenayah maksiat itu sejak pertengahan tahun ini.

>>2 Okt 2006 - KUALA LUMPUR: Seorang anggota polis terpaksa melepaskan tembakan ke arah kereta dinaiki empat warga Afrika selepas didapati memandu dalam keadaan berbahaya sebelum melanggar seorang polis trafik Kuala Lumpur.

Dalam kejadian itu, anggota polis trafik terbabit mengiringi kereta dinaiki seorang kenamaan dari Sarawak di Jalan Perdana 5 berhampiran Muzium Polis.

>>1 Okt 2006 - KUALA LUMPUR: Dua warga Afrika, seorang daripadanya cedera, ditahan selepas berbalas tembakan di Jalan Perdana 5, berhampiran Muzium Polis di sini, petang semalam.

Sumber polis berkata, dalam kejadian kira-kira jam 6.30 petang itu, dua anggota polis peronda melihat dua lelaki berkeadaan mencurigakan dalam sebuah kenderaan dan ketika dihampiri, seorang lelaki mengacukan sepucuk pistol serta melepaskan tembakan, tetapi tidak mengenai sasaran.

>>31 Ogos 2006 - KUALA LUMPUR: Tiga lelaki warga asing didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua tuduhan berasingan menipu ahli perniagaan dari United Kingdom membabitkan wang berjumlah RM72,000, awal bulan ini.

Bagi tuduhan pertama, warga Liberia, Ben Kamara, 25; Ndlovu Martin Joel, 22 (Afrika Selatan) dan Conde Samsy, 33 (Guinea), didakwa menipu Panayiotis Constantinou, 42, sehingga mendorong mangsa menyerahkan wang tunai RM36,000 miliknya.

>>5 Ogos 2006 - PETALING JAYA: Tiga lelaki warga Afrika masing-masing dipenjara dua tahun oleh Mahkamah Sesyen di sini, selepas mengaku bersalah memiliki peralatan untuk mencetak wang palsu dolar Amerika dan cuba menggunakan wang berkenaan tahun lalu.

Hakim Nurmala Salim menjatuhkan hukuman itu terhadap warga Cameroon, Njuakeh Joseph Ngong, 29; Ebolo Rosini Titi, 34 (Republik Gabon) dan Lephallo Friday, 29 (Lesotho).

>>2 Ogos 2006 - KUALA LUMPUR: Tujuh warga Afrika mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini, atas tuduhan memasuki dan tinggal di Malaysia tanpa memiliki pas sah serta menggunakan pas lawatan palsu.

Rakyat Nigeria, Emeka Okefor, Ezeala Emmanuel Nnamdi dan Uche Ijenwa didakwa memasuki negara ini tanpa pas sah, manakala Chyke A Henry dan Ndebele Biko Michael (kedua-duanya dari Afrika Selatan), Nzewe Gozison (Swaziland) dan Ndwana Morris (Bostwana) dituduh memiliki pas lawatan palsu.

>>29 Julai 2006 - KUALA LUMPUR: Satu sindiket dianggotai 26 warga Afrika dan dua wanita tempatan dikesan memperdaya golongan profesional, termasuk tiga ahli perniagaan, dengan membekalkan vaksin suntikan lembu (Thermacyin XP 100) palsu melalui internet, berjaya ditumpaskan polis.

Sindiket itu bukan saja menyamar sebagai pembekal utama vaksin terbabit di Malaysia, tetapi turut bertindak sebagai doktor veterinar palsu dari Eropah untuk meyakinkan pelanggan.

>>26 Mei 2006 - KUALA LUMPUR: Seorang wanita warga Cameroon yang belajar di sebuah universiti ternama di sini mengaut komisen lebih RM100,000 dengan hanya menjadi tali barut geng Black Money sejak dua tahun lalu.

Pelajar berusia 25 tahun itu dikatakan mengenakan komisen 10 peratus bagi setiap urusan geng terbabit menggunakan akaun banknya bagi menyimpan wang haram hasil penipuan itu.

>>6 Mei 2006 - KUALA LUMPUR: Tindakan seorang pegawai bank mengeluarkan wang RM100,000 untuk diberikan kepada lelaki warga asing kononnya mampu 'beranak' membawa padah selepas dilarikan kenalannya di Jalan Richie, berhampiran Jalan Ampang di sini, petang Rabu lalu.

Pegawai bank berkenaan dikatakan mengeluarkan wang itu daripada bank dan berpakat dengan rakan untuk diberikan kepada seorang lelaki Afrika yang mempunyai 'ilmu hitam' dan mampu menggandakannya menjadi RM200,000.

(END)

Headline: Awang Afrika cemari adat santun Malaysia
Publication: BH
Date of publication: Nov 23, 2009
Section heading: Main Section
Page number: 19
Byline / Author: Oleh Imlan Adabi

MINUM petang bersama penulis dari Korea Selatan dan Taiwan hampir hilang nikmatnya. Mata kami berpandangan sesama sendiri. Restoran berhawa dingin di sebuah pusat beli-belah di Seri Kembangan hampir hilang kedinginannya. Ada yang tendang kerusi, ada yang menggunakan sudu dan garpu sebagai senjata, ada juga yang mencarut dan membuat isyarat lucah.

Mereka berkulit hitam dari Afrika. Mereka barangkali antara 56,240 warga Afrika yang dikesan memasuki Malaysia secara sah dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Angka juga menunjukkan 21 warga Afrika ditahan dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini kerana pelbagai kesalahan jenayah. Ada juga yang memasuki negara ini menggunakan jalan tikus dan pasport palsu, selain dikesan tinggal lebih masa.

Hari ini, fenomena warga Afrika di Malaysia sudah hampir menjadi kebiasaan. Di Cheras umpamanya, beberapa pusat beli-belah, pangsapuri dan pusat pengajian swasta, warga Afrika hampir mendominasi suasana.

Ada yang menjadi pelajar dan tidak lekang dengan notebook sepanjang masa. Ada juga yang berkeliaran dengan botol bir di kawasan awam. Ada yang mengurat anak gadis di pasar malam, tidak terkecuali juga membuat bising dan mengganggu penduduk setempat.

Jika selama ini kita boleh melihat wajah Michael Essien, Mohamed Aboutrika dan Amr Zaki hanya di kaca TV, kini personaliti mereka boleh ditemui di mana-mana. Di Cheras, Ampang, Kampung Pandan, Puchong dan di mana-mana saja, pasti wajah Awang Afrika kita temui dengan pelbagai fiil.

Jika dulu kita rasa tertarik dengan keunikan rambut Emmanuel Adebayor dan Didier Drogba, kini fesyen sedemikian sudah bertebaran di depan mata.

Persoalannya sekarang kenapa begitu mudah wajah Afrika meloloskan diri di Malaysia? Apakah Jabatan Imigresen memandang ringan kehadiran mereka atau tidak dapat membezakan wajah Afrika dengan muka Malaysia? Benarkah mereka pelajar atau ahli sindiket black money yang banyak diperkatakan?

Kenapa selepas 10 tahun wajah Afrika berkeliaran di sekeliling kita, tindakan untuk membanteras mereka masih terlalu lemah?

Persoalan ini amat wajar direnungi. Pihak yang mengawal keselamatan negara perlu lakukan tindakan tegas agar gejala yang selama ini dilakukan oleh segelintir warga Indonesia, Burma, Vietnam, Bangladesh dan China tidak terus berulang.

Warga Afrika majoritinya mempunyai saiz fizikal yang tinggi dan besar amat digeruni penduduk setempat. Tingkah laku dan budaya dari sesebuah wilayah yang bobrok memungkinkan tindakan luar kebiasaan di tempat lain.

Mereka datang dari kawasan lembah belantara dan puncak Afrika. Mereka juga dibesarkan antara kawasan kontang dan bukit-bukau yang lebih mengutamakan kekuatan fizikal daripada mental. Ada juga yang belum mengenal dunia sepenuhnya.

Budaya yang dialami di kawasan belantara berbeza dengan suasana di Malaysia yang musim hujan dan panasnya bercampur aduk. Suasana di sini penuh kelembutan kerana faktor iklim dan persekitaran yang ada masanya melankolis.

Suasana di tempat mereka ada waktunya terlalu parah dan sukar ditafsirkan. Amalan voodoo, pertarungan fizikal, ancaman penyakit, kebuluran dan tingkah cuaca menjadikan manusianya lebih berani dan sanggup lakukan apa saja. Undang-undang hampir tidak terlaksana di beberapa tempat di Afrika.

Pertarungan antara suku dan puak sering terjadi. Pertelingkahan kerana merebut kawasan bercucuk tanam sering menumpahkan darah. Mereka berjiwa sensitif dan amat perasa. Alex Haley dalam karyanya *Roots: The Saga of an American Family* yang diterbitkan pada 1976, menganalisis jiwa Afrika dengan teliti. Mereka rajin, cekal, kuat semangat dan sanggup lakukan apa saja. Awang Afrika juga boleh menjadi hamba yang kental, sanggup meredah belantara dan bertarung nyawa di lautan. Mereka juga pantang dicabar dan sedia bertarung. Kekuatan fizikal bukan sesuatu yang asing.

Hari ini sudah ramai keturunan Afrika yang berjaya dan mempunyai nama besar di seluruh dunia. Barack Obama, Oprah dan Mike Tyson menjadi ikon dalam bidang masing-masing. Mereka daripada keturunan hamba Afrika yang diangkut penjajah dan membina kehidupan baru di tanah asing.

Kejayaan mereka tercatat sebagai legenda sejarah. Bagaimanapun di sebalik nama besar, mereka juga tetap ada imej yang merumitkan keadaan. Keadaan ini amat membimbangkan. Penempatan mereka di Pandan Indah dan Metro Prima Kepong sudah digelar 'Mini Afrika'. Mereka melepak dan mabuk di mana-mana saja. Mereka sanggup menjerit dan membuat isyarat lucah, walaupun di depan anak kecil.

Mereka tidak silu dan mungkin lupa di sini bukan benua Afrika. Mereka sanggup jadikan restoran berhawa dingin di Seri Kembangan sebagai medan untuk menonjolkan jati diri insan berkulit hitam.

"Itulah mereka," tegur penulis dari Taiwan. "Di tempat kami juga mereka begitu. Pelabuhan kami sudah jadi benua Afrika!"

Menegur dan mengeluh tidak menyelesaikan masalah. Pihak berkuasa, khususnya Jabatan Imigresen dan polis perlu mengadakan operasi khusus dan bersepadu.

Jangan sampai Kampung Malindo bertebaran di merata tempat berulang lagi. Warga asing, tidak kira dari mana pun asal mereka, perlu disiasat. Ketegasan dan iltizam agensi

penguatkuasaan negara amat dituntut supaya konsep 1Malaysia tidak membabitkan keterbukaan untuk warga asing melakukan apa saja di sini!

Headline: 2 pelajar kolej ditahan

Publication: MA

Date of publication: Aug 16, 2009

Section heading: Main Section

Page number: 004

Byline / Author: Oleh Mohd Nur Asnawi Daud

SEREMBAN: Dua pelajar kolej berasal dari Nigeria dan Guinea ditahan kerana terbabit dalam kegiatan sindiket 'black money' di sebuah hotel bajet di Nilai, dekat sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira jam 2 pagi, dua pelajar lelaki itu yang berusia 20-an ditahan ketika mereka dipercayai hendak keluar menemui pelanggan.

Ketua Polis Negeri Sembilan, Datuk Osman Saleh, berkata polis turut menemui wang palsu dalam mata wang Ringgit Malaysia dan Dolar Amerika bernilai hampir RM400,000 di dalam beg yang dibawa seorang daripada mereka.

Menurutnya, wang palsu itu membabitkan RM370,150 dalam denominasi RM50 dan RM100 serta 38 mata wang Dolar Amerika dalam denominasi AS\$100.

"Siasatan awal mendapati dua lelaki itu adalah pelajar di dua kolej berasingan di Lembah Klang. Bagaimanapun, polis tidak menemui bahan untuk menghasilkan wang palsu berkenaan," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Beliau berkata, serbuan dan rampasan seumpama itu adalah yang pertama di negeri ini kerana kebiasaannya ia dilakukan di bandar besar.

"Kecekapan anggota dan pegawai polis yang terus melakukan operasi sebaik menerima maklumat berjaya mengelak dua lelaki terbabit memperdayakan orang ramai menggunakan wang palsu berkenaan," katanya.

Beliau berkata, polis menjalankan siasatan lanjut bagi mengetahui jika ada rakan suspek yang masih bebas bagi membantu siasatan.

Katanya, kedua-dua lelaki terbabit ditahan reman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 489 Kanun Keseksaan.

Berikutan itu, polis menasihatkan orang ramai supaya lebih berhati-hati bagi mengelak menjadi mangsa sindiket 'black money'.

Mereka yang ada maklumat mengenai kegiatan itu diminta menghubungi Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri Sembilan di talian 06-7619999 atau balai polis berhampiran.

(END)

Headline: Warga Afrika ditembak mati

Publication: BH

Date of publication: Aug 6, 2008

Section heading: Main Section

Page number: 24

Byline / Author: Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Seorang warga Afrika ditembak mati manakala rakannya cedera parah selepas cuba menyerang anggota polis di Taman Industri, Pusat Bandar Puchong dekat sini, semalam.

Dalam kejadian jam 12 tengah hari itu, polis turut menahan seorang lagi wanita, juga warga Afrika.

Ketua Polis Selangor, Datuk Khalid Abu Bakar, berkata bertindak atas maklumat, tiga anggota Ibu Pejabat Polis Daerah Subang Jaya mendekati warga Afrika terbabit, termasuk seorang wanita yang disyaki terbabit dalam sindiket 'Black Money'.

Katanya, sebaik anggota polis memperkenalkan diri dan mahu menahan mereka, salah seorang suspek mengeluarkan sebilah parang dan cuba menyerang anggota polis.

"Anggota polis terpaksa mempertahankan diri dengan melepaskan satu das tembakan amaran ke udara diikuti dua tembakan yang terkena rusuk dan punggung dua suspek lelaki.

"Suspek lelaki yang cedera di rusuk mati di tempat kejadian, manakala rakannya dihantar ke Hospital Serdang.

"Suspek wanita cuba melarikan diri dengan terjun ke dalam parit berdekatan tetapi berjaya diberkas," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Khalid berkata, suspek ditembak ketika berada di luar sebuah kereta Vios, dipercayai digunakan suspek.

Katanya, polis turut merampas sebuah beg berisi wang palsu dan kepingan kertas dipercayai bagi kegiatan 'Black Money' yang dibawa suspek terbabit.

"Siasatan awal mendapati kumpulan tinggal berdekatan kawasan kejadian, menjual wang kertas AS\$50,000 yang dipercayai dihasilkan melalui 'Black Money' dengan bayaran RM16,000 kepada mangsa," katanya.

(END)

Headline: Helah 'Black Money'
Publication: BH
Date of publication: Feb 12, 2010
Section heading: Main Section
Page number: 007

SINDIKET 'Black Money' dipercayai menggunakan taktik baru, termasuk menyamar sebagai ejen pengurup wang sebelum menipu mangsa mereka yang ingin menjalankan urusan penukaran mata wang asing.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Izany Abdul Ghany, berkata helah itu terbongkar selepas sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) bandar raya menahan seorang lelaki warga Afrika di Persiaran Hampshire Off Jalan Ampang, di sini, Isnin lalu.

"Siasatan yang kita jalankan, sindiket itu mendakwa ada simpanan wang RM50 yang banyak dan menawarkannya sebagai pertukaran dengan mata wang Amerika Syarikat milik mangsa," katanya di sini, semalam.

Headline: Polis cedera bergelut suspek 'black money'
Publication: BH
Date of publication: Feb 10, 2010
Section heading: Main Section
Page number: 014

KUALA LUMPUR: Seorang cif inspektor cedera tangan kanannya selepas bergelut dengan seorang lelaki Cameroon, dipercayai anggota sindiket 'black money' di Persiaran Hampshire, Jalan Ampang kelmarin.

Dalam kejadian jam 12.30 tengah hari itu, sepasukan anggota Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK), IPD Sentul mengekori sebuah kereta yang mencurigakan.

Menyedari pergerakannya diekori, suspek berusia 30-an bertindak melarikan diri menuju ke Jalan Ampang.

Difahamkan, suspek tidak mengendahkan arahan supaya menghentikan kenderaannya, sebaliknya cuba merempuh anggota polis bertugas.

Menurut sumber, kereta polis tidak berlogo yang dinaiki pegawai terbabit berjaya memintas kereta Proton Gen-2 milik suspek menyebabkan kenderaannya terhenti.

"Bagi mengelak suspek melarikan diri, pegawai terbabit memecahkan cermin kereta suspek di bahagian pemandu untuk mematikan enjin kereta terbabit. Suspek melawan dan berlaku pergelutan antara suspek dan pegawai terbabit," katanya.

Headline: Helah `Black Money'
Publication: BH
Date of publication: Feb 12, 2010
Section heading: Main Section
Page number: 007

SINDIKET `Black Money' dipercayai menggunakan taktik baru, termasuk menyamar sebagai ejen pengurup wang sebelum menipu mangsa mereka yang ingin menjalankan urusan penukaran mata wang asing.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kuala Lumpur, Asisten Komisioner Izany Abdul Ghany, berkata helah itu terbongkar selepas sepasukan polis dari Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) bandar raya menahan seorang lelaki warga Afrika di Persiaran Hamshire Off Jalan Ampang, di sini, Isnin lalu.

"Siasatan yang kita jalankan, sindiket itu mendakwa ada simpanan wang RM50 yang banyak dan menawarkannya sebagai pertukaran dengan mata wang Amerika Syarikat milik mangsa," katanya di sini, semalam.

Sumber : <http://www.nstemedia.com.my>
Tarikh Akses : 15 Ogos 2011

POLIS TUMPAS SINDIKET PENIPUAN 'BLACK MONEY'

Date: 04-12-2009

Author: / FZL KAM RHM

POLIS-BLACK MONEY

KUALA LUMPUR, 4 Dis (Bernama) -- Polis percaya berjaya menumpaskan sindiket penipuan 'black money' yang didalangi warganegara Afrika, dengan penahanan empat suspek di sini baru-baru ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Wira Mohammad Sabtu Osman berkata berdasarkan maklumat dan hasil risikan selama dua minggu, polis menahan anggota kumpulan itu dalam serbuan di sebuah kondominium di Jalan Ampang Hilir, empat hari lepas.

"Dua kereta peronda polis mengepung suspek semasa kereta mereka memasuki perkarangan kondo itu.

"Seorang daripada mereka cuba mengeluarkan 'pistol' dari jaketnya tetapi polis berjaya menghalangnya sebelum dia berbuat demikian," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Katanya "senjata api" itu kemudiannya didapati pistol tiruan dan polis turut merampas dua lagi pistol mainan, 540 keping RM50 palsu bernilai RM27,000 dalam peti simpanan dan dua pisau pemotong daging dalam but kereta.

Mohammad Sabtu berkata siasatan lanjut mendapati empat suspek berumur 26 hingga 44 tahun itu memasuki negara dua tahun lepas dan mencari "pelanggan" bagi penipuan "black money".

"Tiga daripada suspek memasuki negara menggunakan visa pelajar manakala seorang lagi dipercayai perancang sindiket itu, menggunakan pas lawatan sosial.

"Modus operandi mereka ialah berpura-pura menawarkan sejumlah mata wang tempatan palsu untuk ditukarkan dengan mata wang tulen tetapi niat utama mereka merompak pelanggan mereka," katanya.

Katanya kereta yang digunakan sindiket itu milik seorang lelaki warga Pakistan dan polis sedang mengesan pemilik kereta itu untuk membantu siasatan.

Mohammad Sabtu berkata sebanyak 119 kes `black money' melibatkan warganegara Afrika dilaporkan di Kuala Lumpur dari Januari hingga November tahun ini dengan 62 kes melibatkan pelajar manakala bakinya melibatkan warganegara Afrika menggunakan pas lawatan sosial.

-- BERNAMA

FZL KAM RHM

32 DISYAKI ANGGOTA SINDIKET BLACK MONEY DITAHAN

Date: 23-04-2009

Author: / NNA KAM SN

POLIS-AFRIKA

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Seramai 29 rakyat Afrika termasuk dua wanita yang mengaku sebagai pelajar kolej dan universiti tempatan ditahan dalam serbuan di Kepong hari ini kerana disyaki terlibat dalam sindiket penipuan 'black money' dan dadah.

Turut ditahan dalam serbuan di sebuah apartment pada pukul 3 petang itu ialah tiga wanita tempatan.

Polis turut merampas pelbagai barangan yang dijadikan peralatan untuk mereka bergerak aktif dalam sindiket itu termasuk lebih 20 komputer riba dan mesin pengimbas, kata Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Bukit Aman Datuk Koh Hong Sun.

"Mereka dipercayai terlibat dalam pelbagai jenayah antaranya penipuan black money, penipuan perniagaan, nombor ekor, loteri dan dadah," katanya ketika dihubungi Bernama di sini hari ini.

Beliau berkata kesemua mereka yang berumur antara 20 dan 40 tahun itu kini dtahan reman bagi membantu siasatan.

Sementara itu, seorang maut manakala dua lagi parah apabila sebuah lori yang membawa muatan tanah dari Kuala Lumpur ke Ijok bertembung dengan sebuah lori kosong di Kilometer 20, Jalan Kuala Selangor-Kuala Lumpur-Ijok pada kira-kira pukul 12 tengah hari ini.

Penumpang lori yang membawa muatan tanah itu, Roslan Rasdi, 29, mati di tempat kejadian dan Jabatan Bomba dan Penyelamat mengambil masa satu jam untuk mengeluarkan mayatnya yang tersepit, kata Ketua Trafik Selangor Supt Che Husin Che Mat.

-- BERNAMA
NNA KAM SN

SINDIKET "BLACK MONEY" DIDALANGI WARGA AFRIKA TUMPAS

Date: 23-02-2009

Author: / NNA HK KAY

POLIS-AFRIKA

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Polis berjaya menumpaskan dua sindiket penipuan "black money" yang didalangi warga Afrika dengan tertangkapnya enam suspek termasuk empat pelajar lelaki warganegara itu di sini baru-baru ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Wira Mohammad Sabtu Osman berkata kes pertama melibatkan dua pelajar lelaki warga Afrika yang menggunakan modus operandi dengan berpura-pura menjadi pemegang amanah dan memperdaya mangsa kononnya mereka memperoleh wang wasiat berjumlah AS\$12,520,050.

Kedua-dua pelajar itu yang ditahan polis dalam serbuan pada 13 Feb lepas di sebuah hotel di sini hasil maklumat awam, telah menipu seorang wanita warga Australia berusia 58 tahun yang datang ke Malaysia semata-mata untuk menuntut wang wasiat daripada suspek yang kononnya memegang amanah bapa saudara mangsa yang meninggal dunia bernama Mike Kennedy, yang namanya sama dengan nama ayah mangsa.

"Oleh kerana percaya, mangsa membayar sejumlah AS\$26,500 kepada suspek di sebuah hotel di ibu kota setelah ditunjukkan sebuah beg yang mengandungi AS\$12,520,050 yang tanpa pengetahuan mangsa adalah wang palsu," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Dalam serbuan itu, polis merampas sebuah beg yang mengandungi 121 ikatan wang palsu AS\$100, 12 ikatan kertas hitam ukuran AS\$100 dan dua keping kad pengenalan diri Kedutaan Britain palsu.

Sementara itu, pada 16 Feb lepas, polis menahan dua suspek warga Cameroon dan seorang lelaki tempatan berusia 60 tahun serta seorang wanita berusia 30 tahun kerana terlibat dengan sindiket memperdayakan mangsa yang mendakwa mereka boleh menggandakan wang.

Dalam serbuan itu di sebuah hotel di ibu negara, polis merampas sebuah beg mengandungi 10 ikatan wang RM50 palsu yang dibalut plastik serta tujuh buah telefon yang digunakan untuk menjerat mangsa.

"Serbuan dibuat hasil maklumat yang diterima daripada seorang mangsa warga Brunei yang merupakan ahli perniagaan. Pengadu membayar AS\$50,000 dengan harapan ia akan digandakan kepada RM300,000 seperti dijanjikan suspek," katanya.

Sementara itu, sebanyak 38 kes sindiket penipuan menggunakan wang palsu dilaporkan sepanjang tahun lepas manakala sejak awal Januari tahun ini sebanyak 11 kes dilaporkan.

Beliau menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dengan pelbagai taktik yang digunakan sindiket warga asing terbabit yang kebanyakannya menggunakan internet sebagai akses untuk mempengaruhi mangsa.

(AS\$1 = RM3.66)

-- BERNAMA

NNA HK KAY

DUA WARGA AFRIKA DITAHAN TERLIBAT SINDIKET BLACK MONEY

Date: 31-12-2008

Author: / NMR HK HS

POLIS-BLACK MONEY

KUALA LUMPUR, 31 Dis (Bernama) -- Polis Kuala Lumpur menahan dua warga Afrika kerana disyaki terlibat dalam sindiket "black money" (wang gelap) yang membabitkan penipuan lebih RM1 juta milik warga Eropah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Kuala Lumpur, ACP Mohd Aris Ramli berkata sepasukan anggota jabatan itu menahan kedua-dua suspek dalam tempoh 24 jam selepas seorang lelaki warga Eropah berumur 73 tahun membuat laporan polis semalam.

"Warga Eropah yang sedang berkunjung ke negara ini atas urusan peribadi, telah membuat laporan polis pukul 1 petang semalam dan dua daripada tiga suspek berjaya ditangkap pukul 1 petang hari ini di sebuah pasar raya terkenal dekat sini," katanya kepada pemberita di sini.

Beliau berkata seorang lagi suspek berjaya melepaskan diri dan polis sedang menjejaknya. Ketiga-tiga suspek itu berumur antara 25 hingga 28 tahun, katanya.

"Modus operandi yang digunakan mereka adalah dengan memujuk mangsa yang ditemui di sebuah restoran terkemuka di ibu negara untuk melaburkan wang sebagai modal," kata Aris.

Mangsa hanya menyedari ditipu selepas tiada hasil yang diterima, katanya.

Aris berkata polis masih menyiasat kemungkinan suspek itu adalah pelajar sebuah kolej di sekitar Kuala Lumpur seperti yang didakwa mangsa.

"Jika terbukti mereka adalah pelajar mana-mana institusi pengajian tinggi, mereka akan didakwa kerana menyalahgunakan visa pelajar dan polis juga tidak menolak kemungkinan ada individu lain turut menjadi mangsa," katanya.

-- BERNAMA

NMR HK HS

SINDIKET 'BLACK MONEY' TUMPAS, SEORANG DITEMBAK MATI, DUA DIBERKAS

Date: 05-08-2008

Author: / NUA KAM KAY

POLIS-TEMBAK

KUALA LUMPUR, 5 Ogos (Bernama) -- Satu sindiket 'black money' yang aktif di sekitar Lembah Klang sejak lima bulan lalu tumpas apabila seorang anggotanya, lelaki warga Liberia, ditembak mati manakala dua lagi anggota sindiket itu, ditahan, di Taman Industri Pusat Bandar Puchong, di sini hari ini.

Dua anggota sindiket itu yang ditahan juga warga Liberia, iaitu seorang lelaki dan seorang wanita. Lelaki yang diberkas itu cedera ditembak dalam kejadian kira-kira pukul 12 tengah hari tadi.

Ketua Polis Selangor Datuk Khalid Abu Bakar memberitahu pemberita di tempat kejadian bahawa sebuah beg yang mengandungi sejumlah wang palsu turut ditemui bersama-sama suspek yang berumur dalam lingkungan 30-an itu.

Khalid berkata ketiga-tiga suspek yang menaiki kereta Camry berhenti sebaik sahaja menyedari yang mereka diekori polis. "Salah seorang dari mereka kemudian menyerang polis dengan parang, sementara dua lagi melarikan diri.

"Polis kemudian melepaskan tembakan menyebabkan seorang daripadanya mati di tempat kejadian. Suspek mati akibat ditembak di rusuk manakala rakannya yang cuba melarikan diri cedera ditembak di punggung," katanya.

Abu Bakar berkata polis menerima empat laporan polis berhubung kegiatan "black money" oleh sindiket berkenaan. "Tiada pengenalan diri ditemui pada semua suspek dan kita sedang mengesan sekiranya terdapat saki baki kumpulan ini.

"Orang ramai yang tertipu dengan sindiket ini diminta tampil ke balai polis berdekatan untuk membuat laporan," katanya. Suspek yang mati dan cedera dihantar ke Hospital Serdang.

-- BERNAMA

NUA KAM KAY

POLIS TUMPAS SINDIKET BLACK MONEY DAN JUALAN VAKSIN TIRUAN

Date: 23-05-2007

Author: / SMS SYZ RS

Polis-Black Money

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Polis berjaya menumpaskan satu sindiket "black money" dan penjualan vaksin suntikan binatang tiruan membabitkan sekumpulan lelaki warga Afrika yang menjadikan negara ini sebagai pangkalan operasi mereka.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman Datuk Ramli Yusuff berkata dalam operasi bersepadu bermula pukul 12 malam semalam, polis membuat serbuan ke 38 buah rumah di sekitar Lembah Klang.

"Dalam serbuan itu 27 lelaki Afrika, seorang lelaki tempatan, dua orang wanita Afrika, dua orang wanita Indonesia, seorang wanita tempatan dan seorang wanita Filipina ditahan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata polis juga merampas 20 kotak vaksin suntikan binatang tiruan (Thermacyn XP1000) dan wang tunai RM15,000 dalam serbuan itu.

Ramli berkata polis percaya kumpulan yang sudah beroperasi hampir dua tahun itu menjadikan golongan profesional seperti doktor dan ahli perniagaan sebagai sasaran penjualan vaksin tiruan untuk tujuan perubatan.

Beliau berkata kumpulan lelaki warga Afrika itu juga dipercayai menggunakan wanita tempatan sebagai agen untuk berurusan dengan pelanggan yang bukan sahaja terdiri daripada warga tempatan malah warga asing yang dihubungi melalui internet.

"Tindakan sindiket yang terlibat dalam penipuan berbentuk hadiah loteri dan harta wasiat itu juga boleh mencemarkan nama baik negara," katanya.

-- BERNAMA
SMS SYZ RS

POLIS TAHAN TIGA ANGGOTA SINDIKET 'BLACK MONEY'

Date: 04-10-2001

Author: / CS AZZ RHM

Polis-Black Money (Bergambar)

PETALING JAYA, 4 Okt (Bernama) -- Polis menahan seorang lelaki dipercayai warga Zimbabwe dan dua lelaki rakyat Nigeria kerana disyaki terbabit dalam satu sindiket penipuan wang dikenali sebagai "Black Money".

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor Datuk Mangsor Ismail berkata seorang daripada lelaki Nigeria itu yang berumur 26 tahun ditangkap dalam bilik sebuah hotel di Bandar Sunway di sini malam tadi.

Sementara seorang lagi lelaki Nigeria itu dan lelaki Zimbabwe berkenaan, masing-masing berumur 30 tahun dan 27 tahun, ditangkap di luar bilik hotel berkenaan, katanya kepada pemberita di ibu pejabat Polis Daerah Petaling Jaya di sini hari ini.

Katanya kesemua tangkapan itu dilakukan selepas seorang pengarah syarikat kejuruteraan swasta di Puchong Jaya membuat laporan polis apabila dihubungi seorang wanita melalui Internet yang memintanya menerima wang sejumlah US\$40 juta bagi pihak dirinya.

Pengarah berusia 32 tahun itu dalam laporannya pada Selasa lalu menyatakan wanita itu yang menamakan dirinya Hajia Mariam dan mendakwa dirinya sebagai bekas isteri Ketua Negara Nigeria, telah menghubunginya melalui e-mel pada 22 Sept lalu.

Menurut laporan itu, Hajia Mariam mengatakan bahawa wangnya sejumlah US\$40 juta itu disimpan di "Security Deposit" di Madrid, Sepanyol dan meminta pengadu menerima wang itu bagi pihaknya kerana takut wang itu kononnya akan dirampas oleh kerajaan Nigeria.

Wanita itu juga meminta pengarah itu membayar sebanyak US\$4,000 sebagai bayaran upah penghantaran wang itu semalam. Pengarah itu yang meragui perkara itu telah membuat laporan polis di Balai Polis Puchong.

Mangsor berkata dalam serbuan pada 8.05 malam itu, polis turut merampas sebuah beg mengandungi satu beg besi, 25 ikatan kertas kosong berwarna kuning, 27 ikatan wang kertas US\$1 disyaki palsu di bahagian atas dan bawah setiap ikatan berkenaan.

Turut dirampas ialah satu kad manual panduan mencuci wang, satu botol mengandungi cecair, dua pasport kepunyaan dua lelaki Nigeria berkenaan, dua telefon bimbit, dua keping wang US\$50 dan beberapa dokumen.

Mangsor berkata polis masih menyiasat sama ada pasport dan dokumen perjalanan yang dirampas daripada ketiga-tiga lelaki itu adalah sah. Mereka didapati telah memasuki Malaysia pada 12 Sept lalu.

"Ketiga-tiga lelaki itu boleh didakwa mengikut Seksyen 420 dan 511 Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun," katanya.

Katanya, polis masih menyiasat penglibatan lelaki berkenaan dalam sindiket penipuan yang lain.

-- BERNAMA
CS AZZ RHM

POLIS LUMPUH SINDIKET PENIPUAN BLACK MONEY

Date: 20-02-2001

Author: / SHI AFY RHM

Black Money

KUALA LUMPUR 20 Feb (Bernama) -- Penangkapan sekumpulan enam lelaki yang mendakwa berasal dari Nigeria beberapa hari lepas dipercayai dapat melumpuhkan kegiatan penipuan sindiket "Black Money" dan pemalsuan pasport antarabangsa.

Kesemua mereka ditahan di sebuah hotel di sini selepas mengadakan demonstrasi menukar Black Money menjadi Dolar Amerika dalam dominasi USD 100 yang dijual dengan harga 10 peratus atau 5 peratus nilai pasaran Dolar Amerika.

Turut dirampas bersama mereka ialah beberapa peralatan yang digunakan dalam aktiviti penipuan itu dan 35 pasport antarabangsa pelbagai negara seperti Liberia, Nigeria, Mali, Ghana, dan Turki.

Hasil soal siasat polis juga berjaya menahan seorang lelaki berumur 42 tahun yang berasal dari Kuala Terengganu, Terengganu di Kajang kerana dipercayai bertindak sebagai orang tengah kumpulan itu untuk mencari mangsa mereka.

Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan Datuk Maizan Shaari berkata modus operandi mereka ialah melakukan demonstrasi mencuci Black Money dengan cecair khas yang diberi nama "Universal Automatic Washier", kertas hitam yang dikatakan Black Money yang akan bertukar menjadi Dolar Amerika tulen.

Walau bagaimanapun katanya semasa proses mencuci anggota sindiket akan menggunakan wang kertas Dolar Amerika tulen yang telah dihitamkan untuk memperdaya mangsa.

Anggota sindiket kemudiannya akan menjualkan Black Money bersama cecair khas kepada mangsa sedangkan kertas berwarna hitam itu sebenarnya adalah semata-mata kertas kosong yang dipotong mengikut saiz wang kertas Dolar Amerika sebelum mereka menghilangkan diri.

Maizan juga melahirkan rasa kesal kerana masih ramai yang terpedaya dengan helah kumpulan itu sedangkan polis telah berulang kali menghebahkan perkara itu menerusi media massa.

Menurutnya statistik kes penipuan Black Money bagi tahun ini dan tahun lepas ialah 30 kes dilaporkan dengan 23 kes di Kuala Lumpur, masing-masing satu kes di Selangor dan Kedah dan lima kes di Pulau Pinang yang melibatkan jumlah kerugian sebanyak RM1,854,800 dan USD17,000.

Sementara tiga kes dilaporkan tahun ini di Kuala Lumpur dan satu di Selangor dengan jumlah kerugian RM207,450 dan USD18,000.

Kesemua tujuh lelaki yang ditangkap itu masih ditahan untuk siasatan lanjut.

-- BERNAMA
SHI AFY RHM

POLIS TAHAN TIGA ANGGOTA SINDIKET BLACK MONEY

Date: 18-07-2001

Author: / AMR AD PR

Black Money

KANGAR, 18 Julai (Bernama) -- Polis menahan seorang lelaki rakyat Liberia dan dua lelaki rakyat Cameroon yang disyaki terbabit dalam satu sindiket penipuan wang yang dikenali sebagai "Black Money".

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Perlis, Supt Kamal Pasha Jamal berkata, lelaki Liberia berumur 20 tahun itu ditangkap di Butterworth, Pulau Pinang Ahad lalu manakala dua lelaki Cameroon berumur 26 dan 27 tahun ditangkap di sebuah hotel di sini pagi semalam.

Tangkapan-tangkapan itu dilakukan selepas seorang peniaga dari Kodiang, Kedah yang berurusan dengan salah seorang lelaki terbabit menyedari ditipu sebanyak RM13,000 dan melaporkannya kepada polis.

Peniaga berusia 41 tahun itu dalam laporannya berkata bahawa beliau didatangi oleh salah seorang lelaki terbabit pada 7 Jun lalu dan memujuknya supaya membeli bahan kimia dan kertas hitam bersaiz wang kertas yang boleh bertukar menjadi wang berjumlah US\$2,000,000 dengan harga RM15,000.

Kamal Pasha berkata, pada 9 Jun, peniaga berkenaan telah menyerahkan wang sebanyak RM10,000 kepada lelaki rakyat Liberia itu dan pada 28 Jun, peniaga itu telah diminta membayar sebanyak RM5,000 lagi.

Bagaimanapun, selepas berunding, peniaga itu hanya membayar RM3,000 daripada RM5,000 yang telah diminta untuk membolehkannya mendapatkan kertas hitam dan bahan kimia berkenaan.

Sementara itu, polis merampas bahan kimia dan kertas hitam yang digunakan untuk penipuan itu daripada dua lelaki Cameroon selepas menangkap mereka di sebuah hotel di sini pagi semalam.

Siasatan mendapati beberapa keping wang Amerika itu telah dihitamkan dengan bahan tertentu dan selepas dibersihkan dengan bahan kimia itu, keaslian wang itu akan terserlah.

Kamal Pasha berkata, siasatan mendapati ketiga lelaki itu tiba secara berasingan di negara ini bulan lepas.

Mereka juga sering berkunjung ke beberapa negara lain seperti Thailand, Kemboja, Singapura dan Filipina.

Polis telah mendapat perintah untuk menahan reman ketiga-tiga lelaki berkenaan selama 10 hari.

Kamal Pasha berkata, mereka boleh didakwa mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan yang jika sabit kesalahan boleh membawa hukuman penjara sehingga 20 tahun.

Beliau turut mengingatkan orang ramai supaya melaporkan segera kepada polis jika didatangi orang-orang yang menawarkan perkhidmatan yang mencurigakan.

Laporan media sebelum ini menyebut sekurang-kurangnya 30 kes penipuan Black Money dilaporkan sejak awal tahun ini dengan kebanyakan kes berlaku di Kuala Lumpur.

-- BERNAMA
AMR AD PR

POLIS TAHAN 14 ANGGOTA SINDIKET 'BLACK MONEY'

Date: 12-05-1999

Author: / SN RON

Polis-'Black Money' (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Polis menahan 14 anggota satu sindiket penipuan dinamakan 'Black Money' yang memperdaya orang ramai dengan menggunakan kertas hitam kononnya boleh bertukar menjadi dollar Amerika.

Mereka ditahan di sekitar Kuala Lumpur, Melaka dan Kota Kinabalu, Sabah awal bulan ini.

Penolong Pengarah I Bahagian Siasatan Jenayah Perdagangan Bukit Aman SAC II Asari Mokhtar hari ini berkata, berdasarkan pasport yang dirampas, mereka yang ditahan masing-masing tiga dari Liberia, Cameroon dan Nigeria, dua dari Sudan dan setiap seorang dari Zimbabwe, Afrika Selatan dan Senegal.

Kesemua mereka berusia dalam lingkungan 30-an dan telah memasuki negara ini dua minggu sebelum ditahan, katanya pada persidangan berita di sini.

Asari berkata polis turut merampas tiga bungkusan mengandungi kertas hitam dengan saiz US\$100 yang dikatakan 'black money' dan pelbagai cecair seperti 'Universal Automatic Washer' dan peralatan bagi "menukar" kertas hitam itu kepada dollar Amerika.

Setiap bungkusan kertas hitam itu didakwa oleh sindiket berkenaan mengandungi 'black money' yang bernilai US\$500,000, katanya.

Asari berkata modus operandi sindiket itu ialah anggotanya akan mengenalpasti mangsa dan mendakwa mereka mempunyai sejumlah besar 'black money' atau kertas hitam yang boleh bertukar menjadi dollar Amerika, selalunya dalam denominasi US\$100 untuk dijual dengan harga 10 atau lima peratus kurang daripada nilai pasaran.

Mereka kemudian akan membuat demonstrasi mencuci 'black money'itu dengan cecair khas bagi menukarnya menjadi dollar Amerika.

Menurutnya, semasa proses mencuci, anggota sindiket itu akan menukar kertas hitam berkenaan dengan dollar Amerika tulen yang telah dihitamkan.

'Black money' bersama cecair khas itu akan dijual kepada mangsa yang terpedaya dan selepas itu mereka akan menghilangkan diri.

"Bagaimanapun 'black money' yang dijual itu adalah kertas hitam semata-mata yang dipotong mengikut saiz dollar Amerika," katanya.

Asari berkata operasi 'black money' dilancarkan awal bulan ini oleh Bahagian Jenayah Perdagangan Bukit Aman berikutan maklumat orang ramai dan laporan mengatakan beberapa rakyat Malaysia menjadi mangsa penipuan sindiket itu.

"Tangkapan pertama di buat pada 1 Mei di beberapa hotel di sini diikuti dengan tindakan susulan di Melaka dan di Kota Kinabalu," katanya.

Beliau berkata anggota sindiket itu memasuki negara ini secara berperingkat dan tinggal di lojing-lojing (bed and breakfast) di sekitar bandar raya dan polis kini masih menyiasat kesahihan dokumen perjalanan serta kewarganegaraan mereka.

Polis mendapati anggota sindiket itu menggunakan hotel-hotel mewah sebagai tempat pertemuan dengan mangsa mereka dan untuk membuat demonstrasi

menukar kertas hitam itu kepada dollar Amerika.

Menurut beliau sasaran sindiket itu ialah ahli perniagaan dan mereka yang ingin cepat kaya. Sehingga kini lima orang dikatakan telah menjadi mangsa.

"Dua kes dikesan di sini, satu di Melaka dan dua lagi mangsa ialah di Kota Kinabalu," katanya.

Asari percaya mangsa sindiket itu sebenarnya lebih ramai daripada jumlah yang dikesan.

Beliau juga berkata polis sedang menyiasat sama ada sindiket itu mempunyai rangkaian di negara ini yang bertindak sebagai ejen mereka untuk mendapatkan mangsa sebelum mereka datang ke negara ini.

"Setakat ini kita juga tidak mempunyai bukti mereka mempunyai rangkaian dengan sindiket luar negara," katanya.

Sehubungan itu, polis menggesa orang ramai supaya jangan mudah terpedaya dengan tipu helah anggota sindiket berkenaan dan memberitahu polis jika mempunyai sebarang maklumat mengenai kegiatan itu.

-- BERNAMA

SN RON



RUJUKAN

RUJUKAN

Black Money Scam

Available : http://en.wikipedia.org/wiki/Black_money_scam (14 April 2011)

Utusan Malaysia. [Online].

Available : <http://www.utusanmalaysia.com.my> (15 Ogos 2011)

Nst Emedia. [Online].

Available : <http://www.nstedia.com.my> (15 Ogos 2011)

Blis.Bernama. [Online].

Available : <http://mylib.pnm.my> (15 Ogos 2011)